

ثیقون قیته

PETIKAN TITAH

"MENYEBUT peristiwa bertanam dan menuai dalam kisah ini, mengingatkan kita lagi kepada isu pemakanan dunia sekarang. Makanan itu boleh menjadi punca kebaikan dan juga keburukan. Bilamana makanan mencukupi, maka ia akan membawa kepada kebaikan, tetapi sebaliknya, apabila ia kurang atau tidak ada, maka akan berlakuhar huru-hara dan kebinasaan."

- Titah Sempena Majlis Israk dan Mikraj Tahun 1429 Hijrah / 2008 Masih di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 24 Rejab 1429 / 30 Julai 2008.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسنه ایمان

MANISNYA IMAN

"KATAKANLAH kepada mereka sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam) itulah petunjuk yang benar." - (Surah Al Baqarah ayat 120).

TAHUN 57 / BILANGAN 82

9 JULAI 2012 / 1433 شعبان 19

EDISI ISNIN / PERCUMA



66
15 Julai 2012

دولت کباوه دولی توان قاتیق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

6
hari lagi

Mesyuarat Suruhanjaya SEANWZ

Kaji semula pelaksanaan Pelan Tindakan Untuk Mengukuhkan Perjanjian SEANWZ



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama Menteri-Menteri Luar ASEAN dalam Mesyuarat Suruhanjaya Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWZ) yang diadakan di Peace Palace, Phnom Penh, Kemboja. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

PHNOM PENH, KEMBOJA, Ahad, 8 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Laporan :
Haji Aliddin Haji Moktal dari Phnom Penh, Kemboja

Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam berkenan

yang diadakan di Peace Palace, Phnom Penh, Kemboja.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Peace Palace Phnom Penh, Kemboja dijunjung dan dialu-alukan oleh Timbalan

Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Hor Namhong yang juga selaku Pengurus Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN.

Ke muka 24

Website rasmi Hari Keputeraan dilancarkan

JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Kerja Publisiti dan Promosi Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-66 Tahun telah melancarkan website rasmi sempena sambutan tersebut.

Website tersebut antara lain mengandungi berita-berita dan maklumat berhubung perayaan. Orang ramai dialu-alukan melayari website itu di www.royalbirthday.org.bn.

Untuk maklumat lanjut boleh menghubungi talian 2383400 sambungan 302 atau 2381988.

DI DALAM



Muka 4



Muka 5

'BRUNEI - Amerika Syarikat tingkatkan komitmen kerjasama

TINGKATKAN keselamatan penumpang, pengguna jalan raya dilaksanakan



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika berkenan menyampaikan hadiah pertandingan kepada Awang Haji Shahwardy bin Haji Hamdan. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman. (Lagi berita dan foto ke muka 3).

Berkenan menyempurnakan Penyampaian hadiah Pertandingan ‘Saya Cintakan Brunei Darussalam’



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan para pemenang Pertandingan Senegara 'Saya Cintakan Brunei Darussalam' anjuran The Brunei Times.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Julai. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Senegara 'Saya Cintakan Brunei Darussalam' anjuran The Brunei Times, berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Pada majlis itu, Yang Teramat Mulia juga berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan.

Pertandingan Reka Bentuk dimenangi oleh Flubert Neri yang membawa pulang BND2,500 akaun simpanan dengan Baiduri Bank, tiket pulang balik ke Shanghai tajaan Royal Brunei Airlines, wang tunai BND1,000 dari Setia Motor Sdn. Bhd. dan Ipad Nano tajaan AV Electronics.

Sementara itu, Pengiran Syahreen bin Pengiran Metassan pula memenangi Pertandingan Fotografi yang turut membawa pulang BND2,500 akaun simpanan dengan Baiduri Bank, tiket pulang balik ke Shanghai tajaan Royal Brunei Airlines, wang tunai BND1,000 dari Setia Motor Sdn. Bhd. dan Ipad Nano tajaan AV Electronics.

Manakala Pertandingan Lukisan Terbuka pula dimenangi oleh Awang Marsidi bin Omar, sementara Kategori 13 hingga 18 Tahun dimenangi oleh Awang Mohammad Nadhir bin Haji Mohamed Husaini dan Kategori 12 Tahun ke Bawah disandang oleh Yeo Yeo Chiew.

Pertandingan Menulis Esei Dalam Bahasa Inggeris Kategori Terbuka pula dimenangi oleh Earvin Charles Cbalquinto, sementara Kategori 13 hingga 18 Tahun dimenangi oleh

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Khong Yu Neng dan Kategori 12 Tahun ke Bawah dijuarai oleh Awang Mohammad Amir Putera Razzaqzharfan Hakeemuddin bin Haji Yacob.

Bagi Pertandingan Menulis Esei Dalam Bahasa Melayu Kategori Terbuka, Awang Haji Shahwardy bin Haji Hamdan terpilih sebagai pemenang, sementara Kategori 13 hingga 18 Tahun diraih oleh Dayang Rifhan Naqiah binti Haji Erwan dan Kategori 12 Tahun ke Bawah dimenangi oleh Dayang Syamimi Karmila binti Mohamad Ramlan.

YTM juga berkenan menerima pesembahan yang disembahkan oleh Pengerusi The Brunei Times yang juga selaku Pengarah Pengurusan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Setia Dato Setia Haji Awang Abdul Hapidz bin Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Abdul Razak.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udaña Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejára Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Sementara itu, Ketua Pemberita The Brunei Times, Awang Ubaiddillah bin Masli dalam sembah alu-alu-

annya antara lain berkata, The Brunei Times menganjurkan pertandingan tersebut bermula dari bulan Januari hingga 15 Mac 2012 bagi penyertaan orang ramai sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28 Tahun.

Menurutnya The Brunei Times berharap pertandingan ini akan dapat menjadi *platform* untuk orang ramai menyatakan rasa cinta kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan negara.

"Untuk Hari Kebangsaan tahun ini, kami merasakan bahawa menganjurkan pertandingan di seluruh negara akan menjadi satu peluang bagi rakyat Brunei dan penduduk untuk meluahkan kasih sayang mereka dan terima kasih kepada baginda," sembahnya lagi.

Peserta pertandingan, katanya, mengekspresikan karya mereka melalui lima media yang berbeza iaitu melalui lukisan, reka bentuk grafik, fotografi, penulisan esei bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dan video.

Jelasnya, Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini berhasrat untuk melaksanakan dasar kebangsaan untuk mananai dan mempromosikan industri-industri kreatif di negara ini.

Pertandingan Lukisan merangkumi tiga kategori iaitu untuk peserta di bawah umur 12 tahun, peserta antara 13 dan 18 tahun dan Kategori Terbuka bertujuan untuk membantu memupuk, mengembangkan dan

mengasah bakat seni mereka.

Manakala Pertandingan Penulisan Esei antara 150-400 perkataan sama ada dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu meliputi kategori bagi peserta di bawah umur 12 tahun, peserta 13 hingga 18 tahun dan Kategori Terbuka.

Kategori Fotografi pula dibukakan kepada semua jurugambar amatur

dan profesional untuk mempamerkan gambar-gambar yang menunjukkan kasih sayang mereka kepada Negara Brunei Darussalam.

Bagi memberkati majlis, bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat dipimpin oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ketika berkenan menyampaikan hadiah pertandingan kepada pemenang (atas dan bawah).



Perpindahan dan lantikan tiga pegawai syarikat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Julai. - Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi perpindahan dan lantikan-lantikan pegawai-pegawai.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw, Pengarah Urusan

Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad dipindah ke Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sendirian Berhad dan seterusnya dilantik selaku Ketua Pegawai Eksekutif dengan bertaraf Setiausaha Tetap.

Yang Mulia Awang Mohammad bin Haji Damit, Pengarah Urusan Syarikat Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad dipindah ke Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad dan seterusnya dilantik selaku Pengarah Urusan.

Manakala Yang Mulia Awang Shahbudin bin Musa, Pengurus Am, Pemasaran LNG di Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad dipindah ke Syarikat Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad dan dilantik sebagai Pengarah Urusan.

Pemindahan dan lantikan-lantikan tersebut berkuat kuasa mulai 11 Syaaban 1433 bersamaan 1 Julai 2012.

Brunei - Amerika Syarikat tingkatkan komitmen kerjasama

Oleh : Khartini Hamir

JERUDONG, Rabu, 4 Julai. - Kedutaan Besar Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam mengadakan Majlis Resepsi Sambutan Hari Kemerdekaan Amerika Syarikat Ke-236 Tahun, bertempat di The Grand Hall, Indera Samudera, The Empire Hotel and Country Club, di sini.

Hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.

Duta Besar Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Daniel L. Shields III dalam ucapannya antara lain menyembangkan setinggi penghargaan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas perputusan tahniah baginda kepada Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama, dan kerajaan serta rakyat Amerika Syarikat sempena sambutan Hari Kemerdekaan negara itu, di samping hasrat baginda untuk terus mengukuhkan hubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara.

TYT juga mengucapkan penghar-

gaan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan atas perputusan tahniah Duli Yang Teramat Mulia kepada Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Puan Yang Terutama Hillary Clinton pada sambutan hari tersebut.

Pada tahun 1850 katanya, Amerika Syarikat dan Negara Brunei Darussalam telah menandatangani perjanjian keamanan, persahabatan, perdagangan dan navigasi, yang masih berkuat kuasa sehingga kini.

Sejak itu katanya, kedua-dua buah negara telah meraikan banyak peristiwa penting dalam hubungan Amerika Syarikat-Brunei Darussalam.

Pada bulan November yang lepas jelas TYT, Presiden Obama dan Kebawah DYMM telah bergabung dengan pemimpin-pemimpin global yang lain dalam Sidang Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi APEC Ke-19 di Hawaii yang menggambarkan komitmen bersama untuk memajukan perdagangan bebas, menjana pertumbuhan yang seimbang dan mapan, integrasi ekonomi serantau serta menjamin keselamatan negara sama ada keselamatan makanan atau alam sekitar.

"Kami berasa bangga dengan lawatan Duli Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Amerika Syarikat pada bulan September lalu. Sehubungan dengan lawatan DYTMI itu, Penolong Setiausaha Negara Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik, Kurt Campbell dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng telah mengadakan dialog bagi perbincangan strategik mengenai seni bina serantau," ujarnya.

Selain itu katanya, pegawai-pegawai kanan kerajaan AS juga membuat lawatan dan kunjungan muhibah ke Negara Brunei Darussalam untuk memajukan agenda yang dikongsi bersama mengenai pasaran terbuka, keselamatan serantau dan hubungan persefahaman.

Antara yang pernah membuat lawatan ke negara ini ialah Setiausaha Tentera Laut Amerika Syarikat, Ray Mabus; Penolong Setiausaha Amerika, Campbell dan Penolong Setiausaha Hal Ehwal Politik dan Tentera, Andrew Shapiro.

Di samping itu, Amerika Syarikat dan Brunei juga memperbaharui beberapa komitmen kerjasama dalam membina hubungan rakyat dengan rakyat, melalui pendidikan dan program pertukaran profesional seperti Program Kepimpinan Pelawat Antarabangsa, Program Kepimpinan Belia Asia Tenggara dan Fulbright Scholarship Program.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng, selaku tetamu kehormat memotong kek bersama Duta Besar Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Daniel L. Shields III dan isteri. - Foto : Dk. Nur Haifilah Pg. Osman.

Kementerian Pembangunan tuan rumah Persidangan AVA

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Julai. - Kementerian Pembangunan dengan kerjasama Jabatan Tanah tahun ini menjadi tuan rumah Persidangan Persatuan Penilai-Penilai Asian Ke-17 (ASEAN Valuers Association-AVA).

Persidangan yang berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini dirasmikan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Persidangan bertemakan 'Peranan Penilai Untuk Kemakmuran Asia (The Role of Valuers for ASEAN Prosperity)' dihadiri kira-kira seratus delegasi dari negara-negara ASEAN termasuk Ahli Majlis AVA dari setiap negara ASEAN.

AVA ditubuhkan pada tahun 1981 dianggotai lima ahli iaitu Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura dan Thailand, manakala Negara Brunei Darussalam menjadi ahli pada tahun 1990 diikuti Viet Nam pada tahun 1997 dan Kembal pada tahun 2009.

Manakala Laos dan Myanmar pula secara rasmi belum menjadi negara ahli dan pada masa ini bertindak sebagai negara pemerhati sahaja.

Persidangan yang juga dihadiri oleh perwakilan badan-badan penilai profesional dari Australia, China, Dubai dan Hong Kong itu membentangkan lebih kurang 30 kertas kerja.

Antara topik yang dibincangkan termasuk laporan setiap negara ASEAN (*country report*).

Presiden AVA, Awang Haji Mohd. Don bin Haji Omar pula melahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas sokongan berterusan AVA.

Persidangan ini antara lain bertujuan memberikan peluang kepada para peserta tempatan untuk mempelajari dan mengenali lebih dekat mengenai pendekatan yang diguna pakai seperti penilaian pelaburan, pembangunan dan peraturan berkaitan hartanah.

Ia juga dapat mengerakkan hubungan serta kerjasama dengan negara-negara ASEAN dan negara pemerhati.

Peserta Bengkel AWGATE menerima sijil

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Julai. - Seramai 55 peserta Bengkel 'ASEAN Sectoral Working Group Agricultural Training and Extension (AWGATE) Regional Seminar on Food Processing Technology-Food and Beverages' menerima sijil dalam Majlis Penutup AWGATE.

Mereka terdiri daripada para pegawai Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), pengusaha kecil dan sederhana, Ahli Majlis Perundingan Kampung serta Institusi Pembangunan Sumber Manusia dari sektor kerajaan dan swasta dari negara anggota ASEAN.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil ialah Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah berlangsung di Hotel Centrepoint, Gadong, di sini.

Seminar serantau dua hari anjuran Jabatan Pertanian dan Agrimakanan itu bertindak sebagai *platform* agar industri agrimakanan mempunyai visi sendiri dalam membangun dengan lebih maju bagi menghasilkan produk yang berkualiti, selamat serta berdaya saing dengan produk antarabangsa.

Dua pakar tempatan termasuk dari New Zealand dan Republik Filipina diundang menyampaikan ceramah mengenai Teknologi Pemprosesan Pulpa, Pelabelan, Penjernihan dan sebagainya.

Anugerah Pelan Perniagaan Ignite Ke-5 dilancarkan

Peluang untuk pamerkan bakat dan teruskan perniagaan

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Julai. - Tunas usahawan ICT tempatan kini mempunyai peluang untuk mempamerkan bakat dan meneruskan perniagaan mereka berikut pelancaran Anugerah Pelan Perniagaan Ignite Ke-5 iCentre di Kampung Anggerik Desa, di sini.

Anugerah tersebut dilancarkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohammad Taha, selaku tetamu kehormat berucap pada Majlis Pelancaran Anugerah Pelan Perniagaan Ignite Ke-5. - Foto : Dk. Nur Haifilah Pg. Osman.

Dato Paduka dalam ucapannya menyatakan, dengan adanya pertandingan itu maka akan lebih banyak peluang dan platform yang diberikan bagi memupuk dan membangunkan kreativiti dan inovasi seperti yang dilihat pada tahun-tahun kebelakangan ini kemunculan para pengguna ICT yang melahirkan Infindo, Crescent, Social-Deal dan BrulInnovEdu.

Menurutnya, dalam usaha ke arah Wawasan Brunei 2035 dan selaras dengan visi kementerian *masyarakat yang canggih*, Kementerian Perhubungan sentiasa bekerja rapat dengan iCentre dan pihak berkepentingan lain bagi pembangunan ICT di Negara Brunei Darussalam.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohammad Taha, selaku tetamu kehormat berucap pada Majlis Pelancaran Anugerah Pelan Perniagaan Ignite Ke-5. - Foto : Dk. Nur Haifilah Pg. Osman.

"Ini turut disokong oleh pelbagai inisiatif pembangunan industri, yang dilaksanakan melalui AiTi dan iCentre. Daripada inisiatif kerjasama dan lain-lain, kami gembira melihat hasilnya melalui kisah-kisah kejayaan seperti Ambuyart, PHMD dan lain-lain lagi. Dengan komitmen dan kerjasama yang erat ini akan melahirkan para inovator yang lebih berjaya di kalangan industri tempatan," ujar Dato Paduka.

Hadir sama di majlis tersebut Ketua Pegawai Eksekutif dari NUS Enterprise, Dr. Lily Chan. Tahun ini hadiah Anugerah Ignite bagi Kategori Kolej dan Universiti ditingkatkan dengan tempat pertama akan menerima wang tunai BND4,000, kedua BND2,000 dan ketiga BND1,000.

Manakala, Anugerah Pelan Perniagaan Ignite 2012 tahun ini menyediakan Hadiah Utama (Grand Prize) sebanyak BND20,000 untuk dimenangi dan ia merupakan jumlah wang terbesar bagi hadiah pertandingan pada kali ini di Negara Brunei Darussalam. Pertandingan ini juga

Tingkatkan keselamatan penumpang, pengguna jalan raya dilaksanakan

Oleh : Khartini Hamir



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa menjelaskan pada Sidang Media Mengenai Laporan Board Of Inquiry Insiden Kemalangan Bas Sewa Khas yang berlaku pada 20 Disember 2011 di Tuaran, Sabah, Malaysia. - Foto : Ihsan Brunei Times.

BANDAR SERI BEGAWAN. - Board Of Inquiry (BOI) telah ditubuhkan atas sabda perkenan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan pada 3 Januari 2012 berikutan kejadian kemalangan yang berlaku pada 20 Disember 2011 di Tuaran, Sabah yang melibatkan sebuah bas sewa khas yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar pada Sidang Media Mengenai Laporan Board Of

Inquiry Insiden Kemalangan Bas Sewa Khas Di Tuaran, Sabah, Malaysia pada 30 Jun 2012.

Menurut Yang Berhormat pada Sidang Media tersebut berkata, semasa kejadian, bas berkenaan telah membawa seramai 31 orang penumpang serta dua orang pemandu dan akibat dari kemalangan yang berlaku sekitar pukul 3.00 petang itu, seramai tujuh orang penumpang telah meninggal dunia, 24 orang penumpang cedera termasuk dua pemandu bas berkenaan dan kejadian dikatakan berlaku semasa menuruni gunung dari dalam perjalanan balik menuju ke Kota Kinabalu setelah membuat lawatan ke Sandakan dan Tawau.

Sehubungan dengan tragedi tersebut beberapa ahli BOI telah dilantik bagi menjalankan penyiasatan mengenai kejadian dan punca kemalangan dan sebanyak sembilan mesyuarat telah dijalankan bagi melaksanakan penyiasatan kemalangan dan penyediaan laporan mengenainya.

Dalam pada itu BOI telah menjalankan beberapa sesi temu bual yang melibatkan penumpang-penumpang yang terselamat; pemandu-pemandu bas yang terlibat dalam kemalangan tersebut; penumpang-penumpang yang menyertai rombongan lawatan dari Negara Brunei Darussalam sehingga ke Kota Kinabalu tetapi tidak menyertai perjalanan ke Sandakan dan Tawau dan beberapa pihak yang berkenaan dari sektor kerajaan dan swasta.

Selain itu BOI juga telah menubuhkan sebuah Kumpulan Teknikal BOI bagi meneliti secara dekat lokasi kemalangan, persekitarannya, keadaan bas yang terlibat dan membuat perjumpaan dengan pihak-pihak berkepentingan di Sabah mengenai kejadian kemalangan.

Hasil dari penyiasatan tersebut, BOI mendapati bahawa tidak ada satu penemuan penyebab secara langsung atau punca utama kemalangan tersebut berlaku.

Yang Berhormat juga telah menjelaskan mengenai beberapa langkah yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan lagi keselamatan para penumpang dan pengguna jalan raya secara amnya.

Antara langkah-langkah pampaikan tersebut antara lain melibatkan aspek-aspek seperti berikut:

1) Pemeliharaan Kenderaan:

a) Pemeliharaan dan pampaikan bas hendaklah dilaksanakan di Bengkel Pembekal Kenderaan Bas (*authorized dealer*) atau bengkel-bengkel yang dilantik oleh pembekal berkenaan;

b) Memastikan pengguna-syarikat bas menyediakan semua rekod-rekod penyelenggaraan/pemeliharaan bas disimpan dengan teratur serta dikemas kini; dan

ness kenderaan;

b) Syarikat pelancongan dikehendaki untuk memastikan pemandu mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai jalan-jalan yang dilalui dan seterusnya meningkatkan kesedaran untuk berhati-hati pada tempat-tempat atau kawasan yang berbahaya seperti kawasan berbukit (*hilly terrain*) dan jalan raya yang kurang tanda-tanda jalan raya atau perintang pada tepi jalan; dan

c) Menguatkuasakan peraturan-peraturan yang sudah ada khusus mengenai keperluan dua orang pemandu dan jadual giliran memandu.

5) Prosedur Lesen Memandu Kelas Enam dan Endorsement Lesen Luar Negara:

a) Prosedur mendapatkan Lesen Kelas Enam hendaklah diperbaiki. Contohnya, dipersyaratkan menjalani latihan amali dengan tenaga pengajar latihan memandu yang berkelayakan di Sekolah Memandu yang khusus bagi kenderaan berat termasuk bas;

b) Prosedur mendapatkan Lesen Pekerjaan (Vocational License), pemohon / pemandu hendaklah dimestikan menghadiri kursus-kursus seperti Defensive Driving, First Aid and Emergency Response;

c) Sekolah Memandu khusus bagi mempelajari teori dan latihan amali memandu kenderaan berat hendaklah diadakan dengan kurikulumnya yang sendiri dan jumlah jam belajar teori dan latihan amali yang ditetapkan;

d) Pemandu-pemandu bas awam di Negara Brunei Darussalam hendaklah menghadiri Kursus Defensive Driving dan Refresher Course setiap dua tahun sekali; dan

e) Pensyarat dalam mempertimbangkan pemberian lesen memandu kelas enam perlu diteliti semula dari segi umur dan pengalaman memandu dalam lesen Kelas Tiga.

4) Pengurusan Perjalanan:

a) Syarikat pelancongan hendaklah dipertanggungjawabkan untuk memastikan jadual / program perjalanan rombongan adalah teratur dari segi keperluan-keperluan tempat tinggal, waktu-waktu perjalanan, penyediaan pemandu serta jadual giliran memandu dan penyediaan pemandu pelancong mengikut persyaratan negara yang dikunjungi.

Syarikat berkenaan juga perlu memberi perhatian sewajarnya kepada keselamatan penumpang dan pemandu, di samping memastikan *road-worthiness*

Hadiri Forum Wanita dan Ekonomi APEC 2012

ST. PETERSBURG, RUSSIA. - Golongan wanita memainkan peranan penting dalam mencapai pembangunan dan kesejahteraan ekonomi dan usaha untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam ekonomi perlu dipertingkatkan.

Ini adalah mesej utama dan sokongan yang telah disuarakan oleh perwakilan Kerjasama Ekonomi Asia Pacific (APEC) yang terdiri daripada menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta ketua-ketua sektor swasta yang telah menghadiri Forum Wanita dan Ekonomi APEC 2011 pada 28-30 Jun 2012 di St. Petersburg, Russia pada 30 Jun 2012.

Forum yang berlangsung selama tiga hari telah diakhiri dengan Dialog Dasar Peringkat Menteri yang telah dipengerusikan oleh Pengerusi Majlis Perhimpunan Persekutuan Russia, Puan Yang Terutama Valentina Matvienko dan dihadiri oleh para perwakilan dari 21 buah ahli Ekonomi APEC.

Mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke forum tersebut ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman dan disertai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos, pegawai-pegawai kanan KKBS, Yang Di-Pertua Majlis Perniagaan Wanita Negara Brunei Darussalam

dan juga beberapa orang ahli Majlis Perniagaan Wanita Negara Brunei Darussalam.

Para perwakilan Ekonomi APEC telah mengeluarkan kenyataan yang menggariskan beberapa cadangan dan rancangan bagi mempertingkatkan penglibatan golongan wanita dalam pembangunan ekonomi khususnya dalam rantau Asia Pasifik.

Pengalaman dalam perekonomian antara sektor kerajaan dan swasta turut dibincangkan dalam Forum tersebut yang juga telah menumpukan perbincangan kepada tiga topik utama iaitu Innovative Economy; Business Opportunity and Human Capital.

Forum berkenaan merupakan kesinambungan kepada Sidang Kemuncak Wanita dan Ekonomi APEC yang diadakan di San Francisco, Amerika Syarikat pada 2011 yang dihasilkan untuk memupuk kerjasama padu dalam kalangan ahli ekonomi APEC untuk mengembangluaskan peluang ekonomi wanita kerana penglibatan wanita yang lebih meluas dalam ekonomi telah dikenal pasti sebagai salah satu pencetus utama bagi perkembangan pendapatan yang lebih pantas dan saksama, menjana lebih banyak peluang perniagaan dan meningkatkan persaingan melalui pemikiran inovatif dan penggunaan sumber penting dengan lebih optima.

Peningkatan pendapatan wanita juga telah terbukti mempunyai

impact positif terhadap kesihatan dan pendidikan rumah tangga, meningkatkan kebajikan dan mengukuhkan keuntungan produktiviti dan pertumbuhan inklusif pada masa akan datang.

Dialog Dasar Peringkat Menteri Mengenai Wanita dan Ekonomi telah didahului oleh Dialog Pengongsian Dasar APEC Mengenai Wanita dan Ekonomi (APEC Policy Partnership on Women and Economy - PPWE) yang merupakan entiti yang ditubuhkan pada tahun lepas yang menggabungkan Rangkaian Pemimpin Wanita(Women Leaders Network - WLN) dan Rangkaian Gender Focal Point (Gender Focal Point Network - GFPN).

PPWE bertanggungjawab untuk menentukan hala tuju bagi mengintegrasikan isu-isu wanita dalam ekonomi dan meningkatkan pengaruh sumbangan wanita terhadap pertumbuhan ekonomi dalam rantau Asia Pasifik.

Forum Wanita dan Ekonomi APEC 2012 juga telah memuatkan beberapa sesi perbincangan dasar dalam isu-isu yang berkaitan seperti Women in the Innovative Economy; Investment in Human Capital; Women and Entrepreneurship; Work-Life Balance; Women in Corporate Management and Women and IT.

Terdahulu dari itu, Yang Mulia juga telah menyampaikan ucapan dalam Sesi Dialog Dasar Peringkat Tinggi.

Sepuluh anggota ABDB sertai misi UNIFIL

BOLKIAH GARISON, Selasa, 3 Julai. - Seramai sepuluh anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) akan mengikuti Malaysian Kompeni 8 (MALCOY 8) di bawah misi United Nation Interim Force in Lubnan (UNIFIL).

Kumpulan kelapan UNIFIL diketuai oleh Mejar Mohd. Roasri Irwan bin Haji Tasrif.

Majlis Doa Selamat bagi pemergian kumpulan kelapan itu diadakan di Surau Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison dan dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Acara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an diikuti dengan menunaikan Sembahyang Fardhu Zuhur Bejemaah serta bacaan Surah Yaa Siin dan doa selamat.

Turut hadir ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin bersama Ahli-ahli Komiti Eksekutif Pertahanan, pengarah-pengarah tentera dan awam, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan dan anggota ABDB.

rus-pengurus syarikat bas menyediakan semua rekod-rekod penyelenggaraan/pemeliharaan bas disimpan dengan teratur serta dikemas kini; dan

c) Memastikan pengguna-syarikat bas menyediakan log book penggunaan bas yang sentiasa dikemas kini.

2) Pemasangan Sistem Brek:

Setiap bas pelancongan baru dimestikan untuk dilengkapi dengan Auxiliary Brake System dan bagi bas-bas pelancongan yang sedia ada adalah dimestikan untuk dilengkapi dengan sistem brek yang sama dalam tempoh satu tahun selepas peraturan ini dikuatkuasaan.

Bas-bas pelancong yang tidak dilengkapi dengan sistem brek tersebut akan ditegah daripada membawa pelancong-pelancong ke kawasan-kawasan pergunungan.

3) Kecekapan Memandu:

a) Menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya (Kenderaan Perkhidmatan Awam) (Lesen Pekerjaan dan Kelakuan Pemandu, Konduktor dan Penumpang), 2004;

b) Bagi prosedur mendapatkan Lesen Pekerjaan (Vocational License), pemohon / pemandu hendaklah dimestikan menghadiri kursus-kursus seperti Defensive Driving, First Aid and Emergency Response;

c) Sekolah Memandu khusus bagi mempelajari teori dan latihan amali memandu kenderaan berat hendaklah menggunakan bas 45 tempat duduk sahaja bagi pengeluaran Lesen Kelas Enam (termasuk bagi ujian memandu untuk pemegang lesen luar negara).

6) Pengukuhan:

a) Menguatkuasakan peraturan-peraturan atau syarat-syarat yang sedia ada dengan lebih tegas sama ada bagi tujuan mengeluarkan ataupun menyambung lesen kenderaan Perkhidmatan Awam.

Sebelum mengakhiri sidang tersebut, Yang Berhormat juga turut mengingatkan kepada semua bas-bas yang hendak keluar negeri hendaklah melapor di pos-pos kawalan (JPJ) bagi pemeriksaan kelayakan dan keselamatan kenderaan dan ditegaskan agar semua bas pengangkutan dan bas sekolah supaya dilengkapi dengan tali pinggang keselamatan dan pemasangan black box.

Sehubungan dengan ini, Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat, dengan kerjasama agensi-agensi lain yang berkenaan akan melaksanakan dan menyelesa semua cadangan-pembaikan yang dikenal pasti dalam laporan BOI ini.

Lahirkan tenaga kerja berkemahiran

Pemandu jentera dan kenderaan berat berpeluang dalam Industri Minyak dan Gas

LEBUHRAYA MUARA, Isnin, 2 Julai. - Pusat Pembangunan Belia (PPB) berperanan penting untuk melahirkan tenaga-tenaga kerja berkemahiran dari kalangan belia yang mempunyai kepaduan dalam pelbagai bidang selaras dengan kehendak pasaran dalam apa juga bidang industri yang ada di negara ini.

Menurut Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, peranan PPB adalah sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam melahirkan golongan belia yang berkemahiran di masa hadapan.

Yang Berhormat menekankan perkara tersebut pada Majlis Pelancaran Kursus Pemandu Jentera Berat PPB 2012 yang berlangsung di Dewan Binadiri, di pusat tersebut hari ini.

"Di antara pekerjaan yang dikenal pasti mempunyai permintaan di pasaran dan memerlukan tenaga belia ialah pemandu jentera dan kenderaan berat. Permintaan tenaga kerja tempatan bagi jenis pekerjaan ini mempunyai peluang yang luas di sektor industri minyak dan gas dan juga pengangkutan awam dan swasta," jelas Yang Berhormat.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Yang Berhormat seterusnya berharap pelaksanaan kursus itu akan menjadi satu manifesasi dalam usaha PPB melahirkan lebih ramai golongan belia yang berkemahiran di dalam memberikan sokongan kepada Industri Minyak dan Gas dan sektor pengangkutan di negara ini.

Menyentuh tentang permohonan dari para belia bagi kursus tersebut iaitu seramai 26 orang yang di panggil untuk temuduga dan hanya 12 yang terpilih, Yang Berhormat berkata, ianya menunjukkan golongan belia di negara ini tidak memilih pekerjaan dan mereka bersedia untuk melaksanakan pekerjaan yang mencabar jika mereka di berikan peluang latihan dan di berikan kemahiran yang boleh mereka pergunakan.

Yang Berhormat melahirkan keyakinan para belia akan mudah untuk mendapatkan pekerjaan di syarikat-syarikat yang berkaitan dengan Industri Minyak dan Gas dan pengangkutan awam apabila mereka selesai mengikuti kursus tersebut dan seterusnya menyertu para peserta kursus supaya mereka semua tidak akan mempersia-siakan peluang yang di berikan kerana 'Peluang

Hanya Datang Sekali'.

"Melihat kepada permintaan yang menggalakkan bagi kursus memandu kenderaan dan jentera berat ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui PPB akan memastikan kursus ini akan diadakan secara berterusan dan mempunyai kesinambungan dengan menggunakan kaedah yang sama iaitu perkongsian awam dan swasta. Ini akan memberikan peluang kepada belia-belia yang tidak berkesempatan untuk mengikuti kursus pada kali ini," tambah Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat berkata pelaksanaan kursus kemahiran kepada belia-belia melalui program perkongsian awam dan swasta atau lebih dikenali sebagai 'Public Private Partnership' merupakan satu lagi perkembangan bagi pusat tersebut.

PPB tambah Yang Berhormat, juga mengambil langkah proaktif dengan mengambil kira kepada permintaan pasaran pekerjaan dalam merancangkan penambahan kursus-kursus baru yang akan diperkenalkan di pusat berkenaan dari semasa ke semasa.

Dengan cara yang demikian menurut Yang Berhormat,



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menerima sumbangan sebuah komputer daripada wakil Adinin Training Development Centre, Awang Hafriz Fayadh bin Haji Musa pada majlis tersebut. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

lepasan-lepasan daripada PPB adalah relevan dengan permintaan pasaran pekerjaan semasa dan menjadikan mereka sentiasa *marketable* atau mendapatkan pekerjaan dengan mudah.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat telah menyaksikan penandatanganan dokumen perjanjian 12 orang peserta yang akan menyertai kursus tersebut.

Mewakili penandatanganan dokumen perjanjian bagi pihak PPB ialah Pemangku Penolong Pengarah PPB, Pengiran Mahdi bin Pengiran Haji Salleh, manakala Adinin Group of Companies diwakili oleh Awang Hafriz Fayadh bin Haji Musa.

Juga diadakan semasa majlis tersebut ialah penyampaian computer sumbangan dari

Adinin Training Development Centre kepada pusat berkenaan.

Pelaksanaan kursus itu adalah untuk melahirkan lebih banyak pemandu dari golongan belia yang profesional khususnya pemandu jentera berat, di samping itu ia juga merupakan langkah awal oleh PPB ke arah persediaan bagi melaksanakan kursus-kursus yang berkaitan dengan Industri Minyak dan Gas di masa hadapan.

Kursus tersebut akan dilaksanakan selama tiga bulan dan dua minggu ini, iaitu dua minggu mengikuti latihan teori dan praktikal di PPB yang mana tenaga pengajar akan didatangkan oleh Adinin Training Development Center, manakala bagi tempoh tiga bulan, para peserta kursus akan mengikuti Program Penempatan Kerja di

syarikat-syarikat yang menjadi stakeholder Adinin Group of Companies.

Kelayakan permohonan bagi mengikuti kursus ini adalah terbuka kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berumur 25 hingga 40 tahun, mempunyai kelayakan 3M (Membaca, Menulis dan Mengira), mempunyai minat dan komitmen yang sangat mendalam terhadap kursus ini dan permohonan cuma di buka kepada pemohon lelaki sahaja.

Di antara isi kandungan kursus tersebut adalah seperti *lorry driver, truck driving, off-road driving, passenger vehicle driving, first aid and chemical hazards symbols and logos*.

Bekalkan generasi belia ilmu pengetahuan dan kemahiran



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos hadir pada Peraduan Mari Bercerita Berkumpulan. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Julai. - Generasi belia, remaja dan muda-mudi adalah bakal peneraju dan pemimpin serta pewaris negara di masa akan datang merupakan aset negara yang sangat penting yang akan menjadi khasanah dan harapan bangsa.

Selain dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran, mereka juga perlu di berikan kepercayaan untuk mempersiapkan diri dan merangsang jiwa supaya mempunyai sikap ingin maju dan terlatih untuk

nan KKBS, Berakas, di sini.

Berucap selaku tetamu kehormat, beliau seterusnya menjelaskan, KKBS sangat mengalukan para belia, remaja dan muda-mudi untuk memberikan cadangan dan buah fikiran dan apa-apa jua saranan dalam sama-sama mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan perpustakaan di seluruh negara.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menjelaskan perkara tersebut pada Peraduan Cerita Berkumpulan Tahun 2012 Antara Sekolah-Sekolah Menehng dan Maktab Seluruh Negara, berlangsung di Dewan Digadong, Bangu-

tan perpustakaan yang disediakan dalam mencari dan menimba apa jua jenis ilmu pengetahuan.

Terdahulu daripada itu beliau menekankan kepada DBP supaya setiap acara atau aktiviti yang diungkayahkan hendaklah berlandaskan kepada cita-cita dan gagasan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mempelbagaikan ekonomi negara ini dan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir di mana penduduknya mengamalkan cara hidup atau budaya yang baik dan sempurna dengan berpandukan Al-Qur'an dan Hadith.

Perkara tersebut kata-nya, juga merupakan impian dan aspirasi negara seperti yang terkandung dalam Wawasan 2035.

Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Nortijah binti Haji Mohd. Hassan, selaku Pengurus Peraduan menjelaskan dalam kata alu-aluannya mengenai Wawasan DBP untuk menjadikan institusi perpustakaan sebagai pusat gedung khazanah ilmu pengetahuan, pusat kegiatan yang berkebajikan dan sebagainya bagi segenap golongan masyarakat di negara ini dengan memberikan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat bagi mening-

katkan budaya suka dan gemar membaca melalui penyediaan perkhidmatan peminjaman dan rujukan, perpustakaan bergerak, teknologi info komunikasi (ICT), kegiatan dan aktiviti-aktiviti perpustakaan yang menjurus kepada budaya membaca.

Dengan adanya budaya suka dan gemar membaca dalam kalangan generasi belia itu katanya, remaja dan muda-mudi di negara ini akan memberikan mereka untuk mempunyai sikap berani berhadapan di khalayak ramai dengan tegas serta mempunyai keyakinan diri.

Pada majlis itu, tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah berupa wang tunai, piala pusingan, piala irungan dan plak kepada para pemenang dan penerima saguhati peraduan berkenaan.

Johan disandang oleh Kumpulan I dari Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri dengan persembahan cerita 'Kiub Ajaib', naib johan pula disandang oleh Kumpulan 'A' dari Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah dengan mempersempitbahkan cerita 'Pegangan Hidup' dan menduduki di tempat ketiga ialah Kumpulan II dari Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri dengan persembahan

cerita 'Sinar Nano'.

Sementara itu, juara Pelakon Terbaik Keseluhan peraduan tersebut dimenangi oleh Dayang Nuraziemah binti Abdul Aziz.

Peraduan kali keenam itu bertemakan 'Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya' yang dikendalikan oleh Bahagian Perpustakaan

kaan, DBP.

Peraduan tersebut bertujuan bagi memberikan galakkan kepada belia untuk mencintai buku, di samping untuk menyediakan arena latihan dan kerja berpasukan kepada para belia untuk menjadi warga Negara Brunei Darussalam yang berwibawa.

Pertandingan Berculul dibukukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 Jun.

- Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-66 Tahun bagi Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan mengungkayahkan Pertandingan Berculul Bagi Kategori Rumah-rumah Kampung Ayer, Darat dan Mukim/Kampung.

Pertandingan akan bermula dari 13 hingga 31 Julai 2012 yang mana semua peserta dikehendaki menyalaikan lampu-lampu culul pada sepanjang tempoh pertandingan bermula pukul 7.00 malam hingga 12.00 tengah malam.

Keterangan lanjut mengenai pertandingan dan borang-borang penyertaan boleh didapat secara percuma daripada: Kaunter penyambut tetamu, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Jabatan Kemajuan Perumahan, ruang legar tingkat bawah bangunan Jabatan Perkhidmatan Elektrik Lapangan Terbang Lama, Berakas, Kaunter Bahagian Pentadbiran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Tingkat 3, Ibu Pejabat Perkhidmatan Elektrik, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Pejabat Daerah Brunei dan Muara (melalui penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung).

Tarikh tutup penyertaan tidak lewat dari hari Sabtu, 30 Jun 2012 pukul 4.00 petang.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap. - Foto : Hatral Hazmi Abdul Hamid.

BANDAR SERI BEGAWAN. - Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyeru para penghulu mukim

Kampung Setia 'A' punya ketua kampung baru

Oleh : Nooratini Haji Abas



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa merasmikan papan tanda ketua kampung yang baru. - Foto : Hatral Hazmi Abdul Hamid.

percayaan yang diletakkan oleh anak-anak buah kampung yang berperanan sebagai mata, telinga dan lidah iaitu sebagai pengantar dua hala di antara pihak kerajaan dan anak-anak buah kampung yang dipimpin.

"Dengan adanya ketua kampung yang baru dilantik akan sentiasa berdampingan rapat dengan penduduk-penduduk kampung dan mengadakan mesyuarat serta permuzakarah dari semasa ke semasa selain membuat lawatan ke persekitaran kampung untuk melihat keadaan kampung dan bersemuka dengan penduduk-penduduk kampung yang baru," tambahnya.

Acara diteruskan dengan penyerahan sijil lantikan

ketua kampung kepada ketua kampung yang baru yang disampaikan oleh tetamu kehormat dan diikuti dengan bacaan ikrar oleh ketua kampung yang baru.

Sementara itu, Awang Haji Asli selaku ketua kampung baru di dalam ucapan ringkasnya melahirkan ucap terima kasih kepada para penduduk di kampung tersebut kerana menyokong beliau sebagai ketua kampung yang baru.

Beliau berharap para penduduk kampung, ahli Majlis Perundingan Kampung akan terus memberikan sokongan padu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam memajukan kampung dan menaik taraf serta mengekalkan

kemakmuran kampung tersebut.

Majlis diakhiri dengan pelancaran papan tanda ketua kampung bagi Kampung Setia 'A' yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Hadir sama ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Gapor@Haji Mohd. Daud bin Karim, selaku Ketua Kampung Belimbang; Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, selaku Ketua Kampung Putat; Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Ismail bin Haji Abdul Manap, pegawai-pegawai dari KHEDN dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara serta penduduk kampung sekitarnya.

macam yang memerlukan para penghulu mukim dan ketua kampung untuk berusaha bagi memenuhi ekspektasi tersebut dengan memberikan perkhidmatan yang sebaiknya," tambahnya.

Beliau turut berpendapat dalam memenuhi ekspektasi itu perlunya ada kerjasama dan permuafakatan di antara pemimpin dan anak-anak buah mukim dan kampung yang dipimpin.

Terangnya, di sinilah pentingnya bagi penghulu mukim dan ketua kampung sebagai pemimpin kepada anak-anak buah mukim dan kampung untuk membawai mereka ini kepada satu perubahan dalam hidup bersama-sama di sebuah mukim dan kampung dan seterusnya akan menyemai semangat kekitaan di antara mereka yang setentunya akan memberikan impak yang positif ke arah kesejahteraan dan pembangunan sesebuah mukim dan kampung.

Penglibatan anak-anak buah mukim dan kampung tersebut menurutnya bukan sahaja akan dapat memberikan perangsang malah menjadi faktor pengikat untuk mempertingkatkan lagi kesejahteraan, perpaduan dan keharmonian masyarakat pada peringkat mukim dan kampung.

Menurut beliau, peranan, tugas dan tanggungjawab penghulu mukim dan ketua kampung iaitu dalam memastikan keselamatan, keamanan, kesejahteraan dan keharmonian mukim dan kampung di bawah pengawasan masing-masing.

Penduduk-penduduk kampung tambahnya pula juga mempunyai tanggungjawab untuk sentiasa bekerjasama dengan penghulu mukim dan ketua kampung bagi memastikan sebarang kegiatan-kegiatan yang mencurigakan.

Zahirkan rasa kesetiaan kepada raja, bangsa dan negara

Berita dan Foto : Nooratini Haji Abas

MUKIM LUMAPAS, Ahad, 1 Julai.

- Para penduduk Mukim Lumapas, Sengkuron, Kilanas dan Pengkalan Batu bagi Zon 4 mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-66 bagi memeriahkan dan menzahirkan rasa kesetiaan kepada raja, bangsa dan negara.

Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan berlangsung di pekarangan rumah Penghulu Mukim Lumapas, Awang Haji Bakar bin Mansor selaku tuan rumah upacara tersebut pada tahun ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, selaku Ketua Kampung Putat.

Pada upacara tersebut, Penghulu Mukim Lumapas, selaku Pengurus dalam ucapan alu-aluannya antara lain

menyeru orang ramai agar menghormati bendera negara, di samping mengibarkannya di rumah masing-masing kerana hari ini merupakan hari pertama bagi upacara menaikkan bendera tersebut.

Acara dimulakan dengan perarakan masuk membawa bendera yang diketuai oleh Ketua Kampung Lumapas 'B', Awang Haji Chuchu bin Haji Serudin dan seterusnya menyerahkan kepada tetamu kehormat.

Tetamu kehormat kemudian menyerahkan bendera tersebut kepada petugas-petugas bagi upacara menaikkan bendera yang diiringi lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' yang dipersembahkan oleh koir daripada Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab.

Acara tersebut juga dihadiri oleh ketua-ketua kampung di Mukim Lumapas, Ahli-ahli Majlis Perundungan Kampung serta penduduk kampung sekitarnya.



MAJLIS Menaikkan Bendera Kebangsaan berlangsung di pekarangan rumah Penghulu Mukim Lumapas, Awang Haji Bakar bin Mansor, selaku tuan rumah upacara tersebut.

Kibarkan bendera negara dengan penuh komitmen

Oleh : Aryenty Haji Ariffin

TUTONG. - Dari segi realiti, mengadakan Kempen Mengibar Bendera Negara itu mudah, yang mana apa yang diperlukan ialah kesedaran untuk memahaminya.

Pemangku Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad berkata komitmen mengatasi segala tanggungjawab mutlak rakyat dan penduduk terhadap pengibaran bendera negara ini mendasari kesetiaan, pengorbanan dan kecintaan kita kepada raja.

"Sebagai orang Brunei yang kebilangan dengan kebaikannya turun-temurun mengamalkan nilai-nilai murni di dalam masyarakat yang menjurus kepada kebertanggungjawapan, keterlibatan, kesetiaan dan kesedaran untuk sama-sama menanai Kedaulatan Raja dan Negara," jelasnya semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Mengibar Bendera Negara 2012 sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-66 Tahun di Dewan Sekolah Rendah Dato Pemanca Saging Ukong, Tutong, pada 28 Jun 2012.

Dalam hubungan ini, beliau menyarankan supaya orang ramai didisiplinkan untuk memelihara bendera negara melalui piawaian penggunaan dan pengibarannya, kerana ianya bukan sahaja lambang identiti malah merupakan simbol sejarah dan ideal negara serta simbol

kemegahan.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Azman bin Haji Abdul Rahim dalam ucapan alu-aluannya berkata kempen ini adalah sebagai platform bagi memberikan penjelasan kepada masyarakat tentang fungsi dan peranan bendera negara, di samping meningkatkan semangat patriotism dan kepatuhan terhadap pemimpin, membudayakan amalan pengibaran bendera negara dengan mengambil kira aturan tarikh mengibarkan dan menurunkannya.

Menurutnya, Kempen Mengibar Bendera tersebut diadakan adalah bertujuan bagi mendukung usaha pelbagai pihak di negara ini dalam menanamkan kesedaran tentang bendera dan kepentingannya.

Kempen itu juga antara lain bertujuan untuk menanamkan dan mempertingkatkan kesedaran rakyat dan penduduk di negara ini mengenai peranan dan tanggungjawab mereka menaikkan dan mengibarkan Bendera Negara semasa Hari-hari Kebesaran Negara khususnya sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis diselitkan dengan ceramah mengenai Bendera Negara Ku' yang disampaikan oleh Penceramah Undangan dari Universiti Brunei Darussalam, Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid.

Beliau antara lain menyentuh mengenai fungsi dan peranan Bendera Negara, peraturan menaikkan bendera, mengibarkan dan mendirikan tiang bendera serta



kesalahan-kesalahan yang sering berlaku dalam pengibaran bendera.

Majlis juga diserikan dengan bacaan Syair 'Bendera Negara Ku' dan tayangan video klip 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara'.

Seramai 106 penduduk telah menerima pembahagian bendera negara yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Bersempena dengan sambutan perayaan tersebut, rakyat dan penduduk disarankan supaya mengibarkan bendera negara di rumah-rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan perniagaan mulai 1 hingga 31 Julai 2012.

Adalah diharapkan kesedaran yang tinggi mengenai fungsi dan peranan semua tentang bendera akan bersemarak dalam kalangan semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam amnya.

Hadir pada majlis itu ialah

PEMANGKU Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Ukong, pegawai-pegawai kanan dan guru-guru serta murid-murid dari Sekolah Rendah Dato Pemanca Saging Tutong II. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bi-jaya Awang Othman bin Uking; Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf; Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhd. Suffian bin Haji Bungsu, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung

di Daerah Tutong; Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Ukong; pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan serta guru-guru dan murid-murid dari Sekolah Rendah Dato Pemanca Saging Tutong II.

Kempen tersebut dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Ukong.

PPNBD kibar bendera kebangsaan dan raikan penubuhannya

Oleh : Muhammad Hamdanajib Haji Domeng

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Julai. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) tidak ketinggalan untuk sama-sama menyemarakkan kemeriahan sambutan perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-66 dengan mengendalikan Majlis Menaikkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di hadapan Bangunan Ibu Pejabat PPNBD, di Jalan Gadong.

Seramai 100 orang terdiri daripada Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap, Pemimpin-pemimpin Pengakap dan ahli-ahli Pengakap yang diketuai oleh Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Awang Haji Idris telah membaca Surah Yaa Siin dan bertahlil di Kubah Makam Diraja bagi Ayahanda dan Bonda Kebawah DYMM iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman.



YANG Di-Pertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Dato Paduka Ar. Awang Haji Idris bin Haji Abas hadir pada Majlis Menaikkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di hadapan Bangunan Ibu Pejabat PPNBD di Jalan Gadong. - Foto : Ihsan PPNBD.

Pengibaran bendera lambang taat setia tidak berbelah bahagi

Oleh :
Dk. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim

GADONG, 1 Julai. - Pengibaran bendera kebangsaan sempena memperingati Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah melambangkan taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis baginda.

Sehubungan dengan itu, pada tahun ini Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan II Rancangan Perumahan Negara (RPN), Kampung Rimba diamanahkan untuk melaksanakan Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan bagi mewakili Daerah Brunei dan Muara Zon 3 yang berlangsung di Dataran Rimba Impian, Simpang 9, Jalan 35, RPN, Kampung Rimba.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail.

Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail menerima bendera daripada Ketua Kampung Kawasan II, Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Awang Mohamad bin Haji Kabon untuk dinaikkan oleh ahli-ahli bomba yang ditugaskan. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

(MMN), Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nordin, selaku Penghulu Mukim Gadong 'A', pegawai-pegawai klan kerajaan, Penghulu Mukim Gadong 'B', ketua-ketua kampung di bawah Mukim Gadong 'A' dan 'B', Penasihat-penasihat Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), Ahli-ahli Jawatankuasa MPMK di bawah Zon 3 Daerah Brunei dan Muara dan penduduk-penduduk di Kawasan II RPN, Kampung Rimba dan penduduk sekitarnya.

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah

Al Faatihah beramai-ramai dengan diikuti perarakan masuk para rombongan yang membawa bendera kebangsaan, diketuai oleh Awang Abdul Rahim bin Haji Abdul Latif.

Rombongan perarakan diiringi dengan kumpulan hadrah daripada peserta bekas Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan belia-belia dari Kawasan II RPN, Kampung Rimba.

Ketua rombongan pembawa bendera kemudiannya menyerahkan bendera berkenaan kepada Ketua Kampung Kawasan II RPN, Kampung Rimba, Awang

Mohamad bin Haji Kabon yang kemudiannya menyerahkan kepada Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit.

Seterusnya, Yang Berhormat menyerahkan bendera berkenaan kepada tetamu kehormat majlis dan kemudiannya diserahkan pula kepada salah seorang anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat yang ditugaskan menaikkan bendera tersebut.

Penaikan bendera diiringi dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' beramai-ramai oleh para hadirin.

Tinjau latihan penuh keberangkatan Kebawah DYMM ke Daerah Tutong



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-66 beramah mesra dengan penduduk di daerah ini semasa sesi latihan persediaan bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Daerah Tutong.

Persiapan sempena keberangkatan Kebawah DYMM giat dilaksanakan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan bersama para peserta yang menyertai latihan penuh tersebut. - Foto : Ihsan Ah Chua.

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

TEMBURONG, Khamis, 5 Julai. - Persiapan bagi menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Temburong bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-66 semakin rancak dijalankan.

Latihan penuh bagi majlis tersebut diadakan di Padang Dewan Kemasyarakatan, Peukan Bangar di sini.

Berangkat membuat tinjauan bagi meneliti persediaan latihan penuh tersebut ialah

Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-66 membuat lawatan tinjauan bagi meneliti dan mengemas kini persediaan latihan awal majlis keberangkatan bertempat di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Temburong pada 30 Jun 2012.

Konsep ini juga menggambarkan wawasan rakyat yang taat setia bernaung dalam sebuah negara yang amat sejahtera berkat kepimpinan bijaksana seorang raja yang berdaulat, berjiwa rakyat, pemurah dan dihormati serta disanjung tinggi oleh sekalian rakyat.

Yang Amat Mulia diiringi oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan.

Juga berangkat ialah Grand Chamberlain,

pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Daerah Temburong beserta jabatan-jabatan lain yang berkenaan.

Berpandukan kepada tema utama iaitu 'Wawasan Raja + Wawasan Rakyat = Wawasan Negara' (jika dibaca adalah seperti berikut: Wawasan Raja dan Wawasan Rakyat adalah Wawasan Negara), maka Daerah Tutong telah menyusun konsep yang mempersebahkan fokus tertentu iaitu bidang kebudayaan, kemasyarakatan dan kesukanan.

Konsep kebudayaan yang murni dan berlandaskan falsafah negara Melayu Islam Beraja dan jati diri kebrunei yang kental, yang taat beragama, beradat istiadat, berarwah galat, berperawis dan mengamalkan nilai-nilai kebrunei dan kekeluargaan yang murni mampu menjadikan Negara Brunei Darussalam kekal aman, sejahtera, stabil, maju, makmur dan mendapat keampungan serta keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dalam meniti era globalisasi dan moden ini.

Dalam aspek kemasyarakatan, rakyat dan

Berita dan Foto : Aryenty Haji Ariffin

TUTONG, Rabu, 4 Julai. - Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, selaku Penasihat Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-66 membuat lawatan tinjauan bagi meneliti persediaan latihan penuh Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Daerah Tutong bertempat di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan, di sini.

Yang Amat Mulia disertai oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-66.

Lawatan tinjauan tersebut bagi meneliti persediaan acara utama perayaan di Daerah Tutong khususnya bagi menjunjung keberangkatan Kebawah DYMM bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Tutong.

Juga hadir pada acara tersebut ialah Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar.

Berpaksikan kepada tema utama iaitu 'Wawasan Raja + Wawasan Rakyat = Wawasan Negara' (jika dibaca adalah seperti berikut: Wawasan Raja dan Wawasan Rakyat adalah Wawasan Negara), maka Daerah Tutong telah menyusun konsep yang mempersebahkan fokus tertentu iaitu bidang kebudayaan, kemasyarakatan dan kesukanan.

Konsep kebudayaan yang murni dan berlandaskan falsafah negara Melayu Islam Beraja dan jati diri kebrunei yang kental, yang taat beragama, beradat istiadat, berarwah galat, berperawis dan mengamalkan nilai-nilai kebrunei dan kekeluargaan yang murni mampu menjadikan Negara Brunei Darussalam kekal aman, sejahtera, stabil, maju, makmur dan mendapat keampungan serta keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dalam meniti era globalisasi dan moden ini.

Dalam aspek kemasyarakatan, rakyat dan

penduduk bersama-sama berganding bahu serta bersatu padu membina masyarakat yang pemudahkan, tolong-menolong, sukaria berbuat kebajikan, berkarya dalam bidang keusahawan dan perniagaan, produktif, berfikiran positif, bijaksana, berpandangan jauh, progresif, berkualiti serta berintegriti tinggi untuk menjamin masa depan dan kepentingan negara dan bangsa yang cemerlang, gemilang dan berkekalan.

Manakala dalam bidang sukan, pencapaian yang membanggakan ahli-ahli sukan negara telah dapat menyuntik semangat belia yang cergas dan sihat dari segi jasmani, mental dan kerohanian serta berdaya saing, kreatif dan inovatif dalam mendepani segala cabaran yang mana melalui sukan dan riadah dapat mewujudkan belia yang berjiwa besar yang boleh memberikan sumbangan bermakna kepada keluarga, jiran, kawan, masyarakat, bangsa, negara, agama dan raja.

Pada tahun ini, tema 'Wawasan Raja dan Wawasan Rakyat adalah Wawasan Negara' diguna pakai di keempat-empat daerah yang mempunyai fokus persebahaman masing-masing iaitu Daerah Belait memfokus pada pendidikan, Daerah Tutong memfokus pada kebudayaan, kemasyarakatan dan kesukanan, Daerah Temburong memfokus pada keagamaan, manakala Daerah Brunei dan Muara memfokus pada perekonomian.

Wawasan negara yang mengadunkan wawasan raja dan wawasan rakyat serta penduduk adalah menggambarkan kematangan berbangsa, bernegara, berkerajaan dan beraja bagi masyarakat di negara ini.

Rakyat dan penduduk yang sentiasa berbuat kebajikan dengan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala dan di bawah kepimpinan seorang raja dan *walil amri* yang adil serta bijaksana telah menjadikan Negara Brunei Darussalam unggul pada mata dunia sebagai sebuah negara yang aman, damai, sejahtera dan makmur.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang juga selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-66; Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN; Pemangku Pegawai Daerah Tutong; pegawai-pegawai dari Jabatan Adat Istiadat Negara dan pegawai-pegawai kanan dari KHEDN, Jabatan Daerah Tutong berserta ahli-ahli jawatankuasa dari jabatan-jabatan lain yang berkenaan.

Tinjau latihan awal Majlis Keberangkatan ke Daerah Temburong

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

TEMBURONG. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-66 membuat lawatan tinjauan bagi meneliti persediaan latihan awal majlis keberangkatan bertempat di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Temburong pada 30 Jun 2012.

Lawatan tinjauan itu bagi meneliti persediaan-persediaan latihan yang diungkayahkan di daerah tersebut khususnya bagi menjunjung Keberangkatan Kebawah DYMM Bercemar Duli Bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Temburong.

Tahun ini persebahaman berkONSEPAN 'Darussalam Bilhuda' yang membawa maksud dan pengertian yang mendalam terhadap hasrat serta wawasan negara yang maju, membangun dan aman yang selamanya



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-66 membuat lawatan tinjauan bagi meneliti persediaan latihan awal majlis keberangkatan. - Foto : Ihsan Jabatan Daerah Temburong.

sebuah Negara Zikir yang benar-benar menjadikan Islam sebagai panduan dan amalan hidup yang menjamin kesejahteraan dan keselamatan di dunia dan Akhirat.

Antara komponen persebahaman

ialah pantomim sebanyak enam segmen dengan para peserta persebahaman lebih dari 350 orang.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Timbalan Setiausaha Tetap dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Pemangku Pegawai Daerah Temburong; para pegawai dari Jabatan Adat Istiadat Negara dan KHEDN dan Jabatan Daerah Temburong.

سُرُورُ الْمُسْعِدِي

SERUAN SUCI

كَيْبَرْ بَنْدِيرَا نَكَارَا تَنْدَا طَاعَةٌ سَتِيَا كَفْدَ رَاجِ

مُقْسَا جَعْفَر مُلُوق دَان مُفْقِيَتْ بَنْدِيرَا يَعْ دَفْكُفُون دَغْن هُوْجُوغ سِيكُون يَعْ سُودَه فُوتُوس ايت.

فَيْهَقْ تَنْتَرا مُوسَى مَلِيَّهْ كَفْهَلَاوَانْ جَعْفَر يَعْ بَكْيَتْ كَاكَهْ، تَيْدَقْ مَعْنَلْ سَاكِيَتْ دَان سَغْسَارَا، مَكْ مَرِيَّكْ تَرُوسْ مَفْيَتْيَيْ ۲ مَنْجَارِي كَسْمَقَاتَنْ انتَوْقْ مُبَوْنَه يَعْ أَخْبَرْنَه مَرِيَّكْ بَرْجَاهِي مُبَوْنَه جَعْفَر سَهِيْعَكْ تَوبَه جَعْفَر تَربَلَه دَوا. عَبْدَالَهْ بَنْ رَوَاهَه يَعْ مَلِيَّهْ فَرِيْسَتِيَا ايت، دَغْن جَمَّهَه مَرِيَّبَوتْ بَنْدِيرَا إِسْلَام يَعْ دَبَابَا اولَه جَعْفَر بَنْ أُبُو طَالِبْ ايت دَان مَشْكَتِيَّكْ كَدوْدَوْقَكْ جَعْفَر سَبَاكِي قُثْلِيَّيَا يَعْ مَيْمَقَيْنَ أَغْكَاتَنْ فَرَغْ دَان مَنْرُوسَكَنْ فَرْجَوَانْ مَنْتَنْجَ تَنْتَرا ۲ مُوسَى.

ايْنَهْ قِصَّه كَبرَانِينْ فَهَلَاوَانْ إِسْلَام دَالم فَرْجَوَانْ مَرِيَّكْ وَلَوْ هِيَعْتَهْ تَرْقِيَّانْ بَأَوَا دَمِي مَنْكَقَكَنْ كَبَرَانِينْ كَلْمَهَه اللَّه دَسْمَقَيْعَ تَيْدَقْ رِيلَا فَنْجَيْ ۲ اتو بَنْدِيرَا إِسْلَام ايت جَاتَوْه كَبُومِي كَرَان ايَّ ادَالَه سَيمِبُولْ تَغْكُوْغَجَوَابْ كَمِيْقَيْنَ يَعْ تَلَه دَامَانَهَكْ اولَه بَكَنْدَا رَسُولَه صَلَّى اللَّه عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

اولَه ايت، وَاهِي قَوْم مُسْلِمِينْ، حَادِيَكَنْهْ فَرِيْسَتِيَا اين سَبَاكِي إِعْتَبارْ فَقَاجَرَانْ دَان فَبَمَكَرْ سَاغَة دَالم مَنْجَاهَكْ دَان مَلِيهَهَارَا كَحَرَمَاتَنْ بَنْدِيرَا نَكَارَا كَيْتْ يَعْ مَنْجَادِي مَرَوَه يَعْسَا دَان نَكَارَا. فَرَلُو كَيْتْ أَمْبِيلْ فَرَهَاتِيَّنْ بَنْدِيرَا يَعْ دَكَبِيرَكَنْ ايت هَنْدَقَلَه دَجَاهَكْ كَسْمَقَرَنَانْ، جَاهَنْ سَهِيْعَيْ بَنْدِيرَا تَرسِبُوتْ اد يَعْ كَوِيقْ دَان فُورَدْ وَرَنَانَه. جَاهَنَلَه جَامَه مَاتْ جَلْ تَرْمَقَه بَنْدِيرَا نَكَارَا يَعْ وَسَلَمْ بَرْقَسِنْ كَفْدَ قَوْم مُسْلِمِينْ:

بَنْدِيرَا مَرْوَفَاتَنْ لَمْبَعْ دَان سَيمِبُولْ نَكَارَا، مَكْ كَيْتْ سَبَاكِي رَعِيَّهْ سَهَارَوْنَه مَعْحَرَمَاتَيْ بَنْدِيرَا كَيْتْ سَبَاكِي سَالَه سَاتَوْ تَنْدَا جَيْتَا كَيْتْ كَفْدَ نَكَارَا. بَنْدِيرَا دَافَهْ مَبَاكِرْ سَاغَةْ فَرِيْزَوْتِيَّكْ دَان سَمَاعَهْ كَنْكَارَأَنْ.

جَنْتَوْهَنْ دَالَم سَوكَنْ، سَتِيفْ كَوْتِيْنِجْنْ مَيْبِيرْ كَنْ بَنْدِيرَا نَكَارَا مَرِيَّكْ مَاسِيْعَ ۲ سَبَاكِي قُثْلِنْ نَكَارَا يَعْ دَوَاكِيلِي. جَلْ فَرِسِيدَعْنْ فَرْمَشَوَارَتَنْ لَوَارْ نَكَارَا دَادَكَنْ، بَنْدِيرَا نَكَارَا فَرِواكِيلِنْ دَلْتِقَنْ دَائَسْ مَيْحَا مَاسِيْعَ ۲ سَبَاكِي لَمْبَعْ قُثْلِنْ نَكَارَا يَعْ مَرِيَّكْ وَاكِيلِي. اولَه ايت تَيْدَقْ حِيرَانَلَه جَلْ سَسِنُورَغْ رَعِيَّهْ يَعْ بَرْجِيَّوْ فَرِيْزَوْتِيَّكْ اكَنْ مَرَسْ مَارَه دَان تَرِهِنَا جَلْ بَنْدِيرَا نَكَارَانْ دَهِنَا دَان تَيْدَقْ دَحْرَمَاتَيْ.

مارِيَّلَه كَيْتْ سَامْ ۲ مَنِيْكَتِكَنْ كَلِيَّانَ دَان كَتْقَوَانْ كَفْدَ اللَّه سَبِحَانَه وَتَعَالَى، دَغْن مَلاَكَرْ كَنْ سَكَلْ سَوَرَوْهَنْ دَان مَنِيْكَلَكَنْ سَكَلْ لَارَاغَنْ. مَدَهَمَدَاهَنْ كَيْتْ تَرْكَلَوْغْ دَكَالَهْ هَمْبَانْ يَعْ سَنْتِيَّاسْ مَلْقَسَنَكَنْ أَمَرْ مَعْرُوفْ نَهِيَّ مَنْكَرْ سَرَتْ مَنْدَافَهْ كَرِيْضَانَ اللَّه سَبِحَانَه وَتَعَالَى دَدَنِيَا دَان دَأْخَرَهْ.

الْحَمْدَلَه، كَيْتْ مَرَسْ بَرْشَكُورْ كَحَضْرَه اللَّه سَبِحَانَه وَتَعَالَى كَرَانْ تَلَه مَنْجَادِيَّكَنْ نَكَارَا كَيْتْ سَيْوَاه نَكَارَا يَعْ بَرْ دَوْلَه دَبَاهَهْ فَمَرِيَّتَهَنْ سَيْوَغْ رَاجْ يَعْ كَيْتْ كَاسِيَّهِي. ادْ فُونْ سَيْسِتَمْ فَمَرِيَّتَهَنْ بَرَاجْ دَنْكَارَا كَيْتْ اينَ تَلَه وَجْوَهْ سَكِينْ لَام دَمَانْ رَاجْ ادَالَه سَبَاكِي قَمِكَعْ تَمْفُوقْ فَمَرِيَّتَهَنْ كَيْتْ وَاحِدْ قَاتُوهَه دَان مَنْطَاعَتِينْ. كَيْتْ جَوَهْ فَرَلُو مَقْنَلِي بَكَنْدَا دَان مَيْشَاتَيْ تَارِيَخْ كَفَرَانْ بَكَنْدَا دَان تَرْمَاسُوقَلَه جَوَهْ فَرَلُو مَقْتَهَرِي سَلَاسِيلَه بَكَنْدَا.

بَاكِي نَكَارَا بَرُونِي دَارِالسَّلَام، ۱۵ جَوَلِي ادَالَه تَارِيَخْ بَرْسَجَارَه كَرَانْ تَارِيَخْ اِيْتَلَه رَاجْ كَيْتْ دَفَرَاتَنْ، دَان فَدْ سَتِيفْ تَاهُونْ دَأْدَكَنْ مَلْس سَبِوْنَه هَارِي كَفَرَانْ بَكَنْدَا. سَبَاكِيَّمَانْ كَلَازِيْمَنْ اَفَبِيلْ سَاجْ مَنْجَلَعْ سَبِوْنَه تَرسِبُوتْ، مَكْ سَلَورُوه رَعِيَّه نَكَارَا اين دَأْرَهَكَنْ مَيْبِيرْ كَنْ بَنْدِيرَا نَكَارَا سَبَاكِي تَنْدَا مَبِيسَرْ كَنْ دَان مَرِيَّاهَكَنْ سَبِوْنَه بَرْكَيَّانْ دَان لَه بَسَرْ لَاكِي سَبَاكِي تَنْدَا طَاعَةٌ سَتِيَا كَفْدَ رَاجْ دَان نَكَارَا.

سَتِيفْ نَكَارَا دَدَنِيَا اين مَقْبَرَاهِي بَنْدِيرَا مَاسِيْعَ ۲ دَغْن إِيْدِيَّتِيَّيْنْ يَعْ تَرْسِنْدِيرِي كَرَانْ بَنْدِيرَا مَرْوَفَاتَنْ سَيْمِبُولْ اتو لَمْبَعْ سَسِبِواه نَكَارَا، كَلَولَنْ فَمَرِيَّتَه دَان بَعْسَانْ. نَكَارَا كَيْتْ جَوَهْ فَمَقْبَرَاهِي بَنْدِيرَا كَبِشَانْ سَنْدِيرِي سَنْدِيرِي يَعْ بَرْوَرَنَا كَوْنِيَّه، فَوَتِيه دَان هِيَتمْ سَرَتْ دَتَهَ ۲ تَرَدَّافَهْ فَنْجَيْ ۲ نَكَارَا بَرْوَرَنَا مَيْرَه يَعْتَرَتَرَا فَرَكَتَانْ بَهَاسْ عَرَبْ يَعْ بَرْبَوْيَهِي: اُرَتِينْ: سَنْتِيَّاسْ مَبَوَاتْ كَبِحِيقَنْ اتو كَبِيَّاكيَنْ دَغْن فَتَنْجُوقَه اللَّه.

كَاتْ ۲ يَعْ تَرْمَكَتُوبْ فَدْ فَنْجَيْ ۲ تَرسِبُوتْ مَغْنُوْغَيْ مَعْنَا يَإِيَّتْ سَنْتِيَّاسْ بَرْ خَدَمَهْ، بَرْ بِقَيِّ، بَرْ جَاسْ كَفَدْ أَكَامْ دَان نَكَارَا دَغْن فَتَنْجُوقَه اللَّه سَبِحَانَه وَتَعَالَى. كَاتْ ۲ اين اَمَهْ رِيلِيَّنْ دَجَادِيَّكَنْ سَاكِيَّ كَوْنِسِيفْ هِيدَوْفْ دَالَم بَرْكَلَوَرَكْ، بَرْمَشَارَكَهْ دَان بَرْنَكَارَا. كَاتْ ۲ اين جَوَهْ بَرْسِسوَيَّنْ دَغْن فَلَسَقَهْ نَكَارَا يَإِيَّتْ " مَلَابِي إِسْلَام بَرَاجْ " سَرَتْ مَنْقَاتِي سَبَاكِيَّمَانْ دَكَهَنَدَقَيْ اولَه اَجَارَنْ أَكَامْ إِسْلَام.

فَرَمَانَ اللَّه سَبِحَانَه وَتَعَالَى دَالَم سَوَرَة الْبَقَرَه آيَه ۱۲۰:

تَقْسِيرَهِ: كَاتَكَلَه كَفَدْ مَرِيَّكْ سَسِغَكَوْهِنْ فَتَنْجُوقَه اللَّه (أَكَامْ إِسْلَام) اِيْتَلَه

فَتَنْجُوقَه يَعْ بَنَرْ.

مَكْ بَرْسَقَنَا دَغْن سَبِوْنَه فَرَيَّاَنْ أَوْلَهَتَاهُونْ هَارِي كَفَرَانْ كَبَاوَه دَولِي يَعْ مَهَا مَلِيَا فَادَكْ سَرِي بَكَنْدَا سَلَطَانْ دَان يَعْ دَفَرَوْتَانْ نَكَارَا بَرُونِي دَارَالسَّلَام يَعْ ۶۶ تَاهُونْ فَدْ ۱۵ جَوَلِي ۲۰۱۲، مَارِيَّلَه كَيْتْ كَفَدْ رَعِيَّه دَان فَنْدَوْدَوْقَه دَنْكَارَا اين سَامْ ۲ مَيْبِيرْ كَنْ بَنْدِيرَا يَعْ بَرْمُولا فَدْ ۱ جَوَلِي ۲۰۱۲ يَعْ لَالَه سَبَاكِي تَنْدَا كَطَاعَتِنْ دَان كَسْتِيَّانْ كَيْتْ كَفَدْ رَاجْ دَان نَكَارَا. سَامْ ۲ لَه كَيْتْ بَرْ دَعَاء سَوْكَهْ رَاجْ، رَعِيَّه دَان نَكَارَا كَيْتْ سَنْتِيَّاسْ مَنْدَافَه بَرَكَه دَان رَحْمَه اللَّه سَبِحَانَه وَتَعَالَى، آمِنْ يَا ربَ الْعَالَمِينْ.

تَقْسِيرَهِ:

وَاهِي اُرَغْ ۲ يَعْ بَرِيَّانَ! طَاعَتِه كَامَو كَفَدَ اللَّه دَان طَاعَتِه كَامَو كَفَدَ رَسُول دَان كَفَدَ أَوَّلَيَّ الْأَمْرْ (اُرَغْ ۲ يَعْ بَرِكَوَسْ) درِي كَالَّه كَامَو كَمِدِينْ جَلْ كَامَو بَرِبَتَه ۲ بَرِسِليَّسِيَّهِنْ دَالَم سَسَوَاتْ فَرَكَارَا، مَكْ هَنْدَقَلَه كَامَو مَغْبَالِيَّكَنْ كَفَدَ كَتَابَ اللَّه (الْقُرْآنَ) دَان سَنه رَسُولْ جَلْ كَامَو بَنَرْ ۲ بَرِيَّانَ كَفَدَ اللَّه دَان هَارِي أَخَرَهْ. يَعْ دَعَكَنْ ادَالَه لَه بَايِكْ بَاكِي كَامَو دَان لَه إِيلَوْقْ فُولْ كَسْوَدَاهَنْ. { سَوَرَة النَّسَاء آيَه ۵۹ }

فَيْهَقْ مَوْسَه يَعْ مَلِيَّهْ دَان كَكَاهَنْ دَان كَبرَانِينْ جَعْفَر ايت لَالَه دَغْن جَهَةَ مَغْفُوْغَنْ دَان مَنِيْكَمْ كَوْدَا يَعْ دَتَوْغَكَعَيْ جَعْفَر. نَامَوْنَ جَعْفَر تَتَشَهَّدْ مَنْرُوسَكَنْ فَرَمَقَورَانْ ايت سَهِيْعَكْ أَخَرَهْ فَيْهَقْ مَوْسَه دَافَهْ مَوْتَوْغَهْ تَاغَنْ كَانَنْ دَغْن جَهَةَ دَفَكَعَهْ اولَه تَاغَنْ كَيْرِينْ دَان جَعْفَر تَرُوسْ مَاجُو دَغْن أَغْكَاتَنْ فَرَغْ مَيْرَغَهْ مَوْسَه. تَاغَنْ أَخَرَهْ فَيْهَقْ مَوْسَه دَافَهْ فُولْ مَوْتَوْغَهْ تَاغَنْ كَيْرِينْ سَهِيْعَكْ

RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN MINGGU KEDUA 9 JULAI 2012

No.	DESCRIPTION	WEIGHT	1ST EMPORIUM & SUPERMARKET	SIM KIM HUAT (KIULAP)	TEGUH RAYA DEPT STORE	ORBIT SUPERSTORE	JE ENTERPRISE LUMUT
1	Condensed Milk (Susu Manis Pekat)						
F&N	390 g	\$1.00	\$1.00	\$1.00	\$0.99	\$1.00	
Milkmaid	388 g	\$1.15	\$1.10	\$1.10	\$1.15	\$1.15	
Teapot	388 g	\$1.25	\$1.25	\$1.25	-	\$1.25	
2	Evaporated Milk (Susu Cair)						
Cow Bell	400 g	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.15	
F&N	400 g	\$1.15	\$1.15	\$1.15	\$1.10	\$1.25	
Ideal	405 g	\$1.60	\$1.55	\$1.55	\$1.60	\$1.60	
3	Flour (Tepong)						
Prima Plain	1 kg	\$2.20	\$2.09	\$2.20	\$2.05	\$2.50	
Green SP Interflour	1 kg	\$1.60	\$1.55	\$1.55	-	\$1.00	
4	Butter/Margarine						
Golden Churn	340 g	-	-	-	-	-	
QBB	454 g	\$7.15	\$6.90	\$6.90	\$6.25	-	
Planta Margarine	480 g	\$3.60	\$3.60	\$3.50	\$3.50	-	
5	Instant Noodles						
Maggi Curry	80g x 5	\$1.75	\$1.69	\$1.75	\$1.69	\$1.95	
Maggi Ayam	80g x 5	\$1.75	\$1.69	\$1.75	\$1.69	\$2.10	
Maggi Asam	80g x 5	\$2.10	\$2.10	\$2.10	\$2.00	\$2.10	
Indo Food Mee Goreng	80g x 5	\$1.95	\$1.79	\$1.85	\$1.85	\$1.95	
Indo Mie Mee Goreng	80g x 5	\$1.40	\$1.29	\$1.30	\$1.30	\$1.40	
6	Dried Noodles						
Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong	150 g	\$0.60	\$0.45	\$0.50	\$0.45	\$0.50	
Cap Udang MBS - Medium Flat Sabah	400 g	\$1.90	\$1.65	\$1.70	\$1.70	\$1.80	
Cap Limau Mee Hoon	400 g	\$1.10	\$1.05	\$1.10	\$1.00	\$1.10	
Wai Wai Oriental Style	400 g	\$1.20	\$1.30	\$1.45	\$1.30	-	
7	Fresh Chicken (Ayam Segar)						
Whole Chicken (Bulat)	1 kg	\$4.30	\$4.20	\$4.20	\$4.20	\$4.50	
Chicken Drumsticks (Peha)	1 kg	\$6.00	\$3.99	\$5.95	\$5.90	-	
Chicken Breasts (Dada)	1 kg	\$3.80	\$2.99	\$3.90	\$3.90	-	
Chicken Wings (Sayap)	1 kg	\$7.50	\$6.89	\$7.20	\$6.90	-	
8	Chicken Eggs (Telor Ayam)						
1 Dozen (Size)	1 doz	\$2.35	-	\$2.00	\$2.10	\$2.00	
1 Tray (30 biji) (Size)	1 tray	\$5.90	\$5.50	\$5.90	\$5.80	\$5.80	
9	Onions (Bawang)						
Shallot (Bawang Merah)	1 kg	\$2.80	\$2.29	\$2.50	\$2.90	\$3.20	
Garlic (Bawang Putih)	1 kg	\$3.20	\$2.99	-	\$1.30	\$2.00	
Brown Onion (Bawang Besar)	1 kg	\$1.90	\$0.79	\$1.00	-	\$1.30	
10	Cooking Oil (Minyak Masak)						
Mazola Corn	3 kg	\$17.50	\$16.95	\$13.50	\$16.80	-	
Naturel Sunflower	3 kg	-	\$7.80	-	\$5.80	-	
Labour	2 kg	\$5.80	\$5.79	\$5.60	-	-	
Labour	5 kg	\$13.30	\$14.95	\$11.90	\$12.50	-	
Seri Murni	2 kg	\$5.10	\$4.70	\$4.60	\$4.60	-	
Seri Murni	5 kg	\$11.60	\$10.20	\$11.20	\$9.95	-	
Sunco	2 ltr	\$4.95	\$5.10	\$4.80	\$4.60	\$5.30	
Sunco	5 ltr	\$10.80	\$10.39	\$10.15	\$10.30	-	
Sania	2 ltr	\$4.25	\$4.30	\$4.40	\$4.40	\$4.50	
Sania	5 ltr	\$10.50	\$9.95	\$9.90	\$9.95	\$10.50	
11	Milo (Malaysia)						
Nestle Milo	1 kg	\$7.90	\$8.20	\$7.40	\$7.85	\$8.50	
Nestle Milo	1.5 kg	\$12.80	\$12.90	\$12.80	-	\$13.20	
12	Cordial Syrups						
F&N Sun Valley Grenadine	2 lit	\$4.80	\$4.60	\$4.70	\$4.80	-	
F&N Sun Valley Rose	2 lit	\$4.80	\$4.95	\$4.70	\$4.80	-	
F&N Sun Valley Sarsi	2 lit	\$4.80	\$4.60	\$4.70	\$4.80	-	
Ria Kordial Rose	2 lit	\$4.35	\$4.30	\$4.10	\$3.99	-	
Ria Kordial Sarsi	2 lit	\$4.50	\$4.30	\$4.10	\$3.99	-	
Rose Brand Rose Syrup Flavour	750 ml	\$3.80	-	\$3.65	-	\$3.90	
13	Sauces (Sos)						
Habhal Salty Soy Sauce (Cap Kipas Udang)	645 ml	\$2.75	\$3.09	\$3.15	\$3.20	\$2.70	
Habhal Sweet Soy Sauce (Cap Kipas Udang)	645 ml	\$3.25	\$3.30	\$3.20	\$3.20	\$3.60	
Maggi Cilli Sauce	340 gm	\$1.15	\$1.09	\$1.10	\$1.10	\$1.10	
Maggi Tomato Ketchup	325 gm	\$1.05	\$0.99	\$1.00	-	\$1.10	
Adabi Oyster Sauce (Sos Tiram)	510 gm	\$2.10	\$1.99	\$1.85	\$1.99	\$2.10	
Nona Oyster Sauce (Sos Tiram)	510 gm	\$1.90	\$1.75	\$1.75	\$1.70	\$2.10	
14	Mayonnaise						
Real Mayonnaise (Lady's Choice)	230 ml	\$2.40	\$2.50	\$2.60	\$2.50	-	
Real Mayonnaise (Lady's Choice)	470 ml	\$4.20	\$4.20	\$4.40	\$4.30	-	
15	Infant Diapers						
Drypers - Wee Wee Dry Newborn (Up to 5 kg)	NB 28	\$7.15	\$7.50	\$7.20	-	-	
Drypers Small (3-7 kg)	S 32	\$7.15	\$7.50	\$7.20	\$7.50	\$7.90	
Drypers Medium (6-11 kg)	M 28	\$7.15	\$7.50	\$7.20	\$7.50	\$7.90	
Drypers Large (9-14 kg)	L 48	\$13.60	\$12.95	\$13.20	\$12.95	\$13.90	

No.	DESCRIPTION	WEIGHT	1ST EMPORIUM & SUPERMARKET	SIM KIM HUAT (KIULAP)	TEGUH RAYA DEPT STORE	ORBIT SUPERSTORE	JE ENTERPRISE LUMUT
	Drypers Extra Large (12-17 kg)	XL 40	\$13.60	\$12.95	\$13.20	-	\$13.90
	Drypers Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 16	\$7.50	\$7.50	\$7.20	\$7.50	\$7.90
	Mamy Poko - Newborn (Up to 5 kg)	NB 28+2	\$8.90	-	\$12.20	\$16.90	-
	Mamy Poko Small (3-8 kg)	S 48+2	\$16.90	-	-	\$16.00	-
	Mamy Poko Medium (6-11 kg)	M 44	\$16.90	-	\$16.20	\$16.70	-
	Mamy Poko Large (9-14 kg)	L 56	\$16.90	-	-	-	-
	Mamy Poko Extra Large (12-17 kg)	XL 50	\$16.90	-	-	-	-
	Mamy Poko Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 28	\$16.95	-	\$16.80	\$16.90	-
	Sealer Newborn (Up to 5 kg)	NB 48	\$8.80	\$8.80	-	\$9.90	-
	Sealer Small (3-7 kg)	S 46	\$14.75	-	-	-	-
	Sealer Medium (6-11 kg)	M 42	\$12.70	-	-	-	-
	Sealer Large (9-14 kg)	L 48	\$12.70	-	\$14.90	-	-
	Sealer Extra Large (12 kg above)	XL 42	\$12.90	\$15.20	\$14.90	-	-
	Sealer Sumo Extra Large (15 kg above)	XXL 28	\$11.10	\$11.80	\$11.50	\$11.50	-
	EQ Dry- Newborn (Up to 5 kg)	NB 20/22	-	\$3.80	\$3.80	\$3.80	-
	EQ Dry Small (3-7 kg)	S 40	\$7.80	\$7.50	\$7.20	\$7.20	\$7.50
	EQ Dry Medium (6-11 kg)	M 36	\$7.80	\$7.50	\$7.20	\$7.20	\$7.50
	EQ Dry Large (9-14 kg)	L 48	\$10.55	\$10.95	\$10.50	\$10.90	\$10.90
	EQ Dry Extra Large (12-17 kg)	XL 42	\$10.55	\$10.95	\$10.50	\$10.90	\$10.90
	EQ Dry Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 24	\$9.00	\$8.70	\$8.90	\$8.20	\$8.90
16	Frozen						
	BMC - Chicken Frankfurters	340 g	\$2.10	\$1.95	\$2.00	\$2.10	\$2.30
	Ayamas - Chicken Frankfurters	340 g	\$2.35	\$2.45	\$2.40	\$2.40	\$2.60
	BIFFI Chicken Frankfurters	340 g	-	\$1.59	\$1.60	-	-
	BMC - Nuggets	1 kg	\$6.50	\$5.95	\$6.80	\$6.50	-
	Ayamas - Crispy Nuggets	1 kg	\$8.20	-	\$8.50	\$8.50	-
	FARM'S Best Chicken Nuggets	1 kg	\$5.60	-	\$5.60	-	-
	BMC - Chicken Burger	900 g	\$7.20	\$6.90	\$6.80	-	\$6.95

Peristiwa Israk dan Mikraj penting dalam sejarah Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. - Peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan peristiwa penting dalam sejarah Islam yang sentiasa diingati oleh seluruh umat Islam setiap menjelang 27 Rejab pada setiap tahun.

Di negara ini pelbagai sektor kerajaan dan swasta menyemarakkan Israk Mikraj pada setiap tahun.

Kementerian Pendidikan juga tidak ketinggalan meraikan Sambutan Israk Mikraj Bagi Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi di Dewan Utama, Bangunan Baru Kementerian Pendidikan pada 26 Jun 2012.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat dibacakan oleh Imam Masjid Sufri Bolkiah, Kampung Burong Pingai Berakas, Awang Haji Ahmad Tarmizi bin Haji Mohd. Daud.

Acara juga diserikan dengan persembahan Dikir Daibaie oleh Kumpulan Dikir Daibaie Lelaki Putus Tingkatan Enam (PTE) Katok, johan Peserta Lelaki pada Pertandingan Dikir Daibaie Antara Pra-Universiti Senegara Kali Pertama 2012.

Majlis kemudian diikuti dengan Ceramah Khas Israk Mikraj bertajuk



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa hadir pada Majlis Sambutan Israk Mikraj Bagi Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi Bagi Kementerian Pendidikan. - Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

'Israk dan Mikraj' : Wadah Memperkuat Keimanan' disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Syariah dan Penyelaras Aktiviti Keagamaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali

(UNISSA), Dr. Azme bin Haji Matali.

Dalam ceramahnya beliau menyentuh mengenai peristiwa Israk Mikraj yang mana berlakunya banyak kejadian aneh menunjukkan gambaran-gambaran dan balasan Akhirat semata-mata memberi pengajaran kepada umat Islam agar sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wa'ta'ala dan takut pada kekuasaan-Nya, di samping menguji akidah dan keimanannya untuk mempercayainya.

Kementerian Pembangunan raikan Sambutan Israk Mikraj

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN. - Untuk sama-sama memperingati Sambutan Israk Mikraj, pelbagai aktiviti keagamaan masih diraikan oleh pelbagai pihak di negara ini termasuk Kementerian Pembangunan dengan mengadakan ceramah sempena sambutan tersebut yang diselajurkan dengan Pertandingan Nasiyid 1433 Hijriah / 2012 Masihi bagi kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya pada 28 Jun 2012.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis yang berlangsung di Dewan Indera Pahlawan, Bangunan Pusat Ujian Kemahiran Kerja dan Latihan, kementerian tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Sambutan yang bertemakan 'Sembahyang Penolak Mungkar' diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Kesan dan Rahsia Solat Dalam Kehidupan' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Jupri bin Haji Suyoi.

Acara tersebut diselajurkan dengan Pertandingan Nasiyid yang disertai oleh sembilan buah kumpulan dari Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya iaitu Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE), Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Uruk, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Perkhidmatan Pembangunan dan Jabatan Jalan Raya yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori Lelaki dan Kategori Wanita.

Jabatan Uruk dan Jabatan Perkhidmatan Teknikal masing-masing menghantar dua kumpulan bagi lelaki dan wanita. Pada pertandingan tersebut, juara Kategori Lelaki disandang oleh Jabatan Perkhidmatan Pembangunan diikuti oleh Jabatan Perkhidmatan Air sebagai naib juara dan tempat ketiga diraih oleh Jabatan Perkhidmatan Teknikal.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Israk Mikraj yang diselajurkan dengan Pertandingan Nasiyid 1433 Hijriah / 2012 Masihi Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya (kanan). - Foto : Hafrah Hazmi Abdul Hamid.

Ceramah Khas Sempena Israk dan Mikraj

Oleh : Ihsan Jabatan Hal Ehwal Masjid

BELAIT. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dan masjid-masjid, surau serta ibadat seluruh negara terus berusaha untuk meningkatkan dan meninggikan lagi syiar Islam di Negara Brunei Darussalam antaranya dengan mengadakan ceramah-ceramah keagamaan.

Ke arah itu, Masjid Al-Mashhor, Kampung Sungai Mau, Daerah Belait mengadakan Ceramah Khas bersempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi pada 24 Jun 2012.

Ceramah tersebut disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap KHEU,

Awang Haji Harun bin Junid.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEU, para jemaah masjid serta penduduk yang tinggal di sekitar kampung tersebut.

Acara pada malam tersebut dimulakan dengan menyentuh Sembahyang Fardu Magrib Berjemaah diikuti ceramah yang antara rancangan menggariskan perkara-perkara yang berkaitan dengan sembahyang yang merupakan perintah yang diterima secara langsung daripada Allah Subhanahu Wa'ta'ala ketika peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Umat Islam mengerjakan solat beruntung di sisi Allah Subhanahu Wa'ta'ala

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN. - Ibadat sembahyang lima waktu yang diwajuhkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan satu ibadat atau rukun iman yang paling istimewa kerana ia difardu oleh langit oleh Allah Subhanahu Wa'ta'ala.

Jika seseorang umat Islam itu menuaikan solat, tambahan maka ketika itu ulah akal fikiran rehat tamnip memikirkan atau mengingati apa-apa hal dunia, kerana dirinya akan ingat pada Allah sahaja dan kerohanianya akan meningkat dan akan tenang dan badan akan menjadi sihat.

Tambah beliau lagi, umat Islam merupakan umat manusia yang paling beruntung kerana umat yang paling sihat selagi menuaikan solat dengan khushus dan betul.

Beliau menyampaikan ceramah tersebut pada Majlis Sambutan Israk Mikraj yang dianjurkan oleh Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya dan dikelolakan oleh Jabatan Pelabuhan.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis tersebut ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdulla bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, berlangsung di Dewan Amar Pahlawan pada 30 Jun 2012.

Dalam ceramah beliau juga turut menjelaskan, solat yang sebenarnya ialah hamba-Nya meng-

ingati Allah, umat Islam yang mahu mengingati Allah mestilah mengingat solatnya kerana dengan bersolat kita akan dapat mengingati malah muda orang yang solat akan betul-betul rehat.

"Para nabi jika bersembahyang akan mencapai kebahagiaannya dan Nabi Muhammad sendiri jika bersembahyang merupakan masa rehat yang paling afdal," terangnya.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdulla bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar bersama sebahagian jemputan ketika mendengar ceramah yang bertajuk 'Solat'. - Foto : Hafrah Hazmi Abdul Hamid.

Ambil iktibar, pedoman peristiwa Israk Mikraj

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN. - Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan ujian dan mukjizat membuktikan kekuasaan Allah Subhanahu Wa'ta'ala yang ditunjukkan kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Ia bahkan bukan hanya sekadar sebuah kisah sejarah yang diceritakan

kembali setiap 27 Rejab, tetapi yang lebih penting menghayati pengajaran disebalkan peristiwa tersebut bagi meneladani perkara yang baik dan menjauhi perkara yang tidak baik.

Pegawai Peguan Negara telah mengungkapkan Majlis Sambutan

Israk dan Mikraj yang dihadiri seramai 150 pegawai dan kakitangan pejabat tersebut berlangsung di Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Tunong pada 30 Jun 2012.

Acara majlis diserikan dengan bacaan Surah Al Faatihah berama-rama dipimpin oleh Penolong Pentadbir di Pejabat Peguan Negara, Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Bungsu.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Peguan Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shabbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh.

Juga hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Al-Mokhtar bin Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najahab Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Sembahyang penolak mungkar

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN. - Untuk menjadi bangsa yang dapat mengangkat dirajat dan martabat sebuah negara, seseorang itu perlu memiliki kesucian hati, akidah yang mantap, berjuang di jalan yang benar, tidak mengabalkan sembahyang seperti suruhan Allah Subhanahu Wa'ta'ala, doa dan memiliki sifat yang jujur.

Perkara tersebut antara yang disentuh dalam perbincangan Majlis Forum Israk dan Mikraj yang bertemakan 'Sembahyang Penolak Mungkar' yang dikendalikan oleh Jabatan Mufti Kerajaan.

Hadir pada Majlis Forum yang berlangsung di jabatan berkenaan ialah Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Forum bertujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Israk dan Mikraj tahun ini, di samping mengerakkan lagi silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan di jabatan berkenaan.



SETIAUSAHA Tetap (Bahagian Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof semasa menyampaikan ceramah khas mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan sembahyang.


**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**
JADUAL BAGI BULAN JULAI 2012

BIL.	JAWATAN/ TANGGAGAJI/ BIL. RUJUKAN IKLAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP IKLAN	KEMENTERIAN/ JABATAN (KEKOSONGAN)	UJIAN			
					TARIKH (HARD)	JAM	TEMPAT	BILANGAN INDEKS
1	Atendan Jentera Tapisan Air Tingkat I (E.1-2-3 EB.4)	7(A)	18.01.2012	Jabatan Kerja Raya (2)	01.07.2012 (Ahad)	08.30 Pagi	PTE Katok	0001-0769
2	Pembantu Ilmu Kejadian (D.1-2-3 EB.4)	7(A)	07.03.2012	Jabatan Muzium-Muzium (1)	06.07.2012 (Jumaat)	08.30 Pagi	Dewan SPA, Tkt 2	0001-0391

NOTA:
Jika ada sebarang pertanyaan, sila hubungi Bahagian Peperiksaan dan Ujian, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di talian 2381961 ext 559, 568 dan 565 atau dengan melayari laman web rasmi pejabat ini iaitu www.spa.gov.bn


**ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
KEMENTERIAN PERTAHANAN**
**PENDAFTARAN
BAKAL-BAKAL
REKRUT LELAKI
PENGAMBILAN KE-148
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI**

PENDAFTARAN sekarang dibuka untuk menceburi Kerjaya Tentera sebagai Bakal-Bakal Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-148 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengikut syarat-syarat kemasukan.

Pendaftaran dibuka sehingga pada tarikh yang akan dimaklumkan kemudian

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

**Pejabat Pengambilan
Jabatanarah Keanggotaan
Blok 3, Simpang 32-66-9
Flat Anggerek Desa
Tel: 2383074 / 2383075
Atau layari laman web:
<http://www.mindef.gov.bn>**


**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**

**PEMBETULAN IKLAN JAWATAN KOSONG
DALAM PERKHIDMATAN AWAM
MENURUT PERATURAN 7(a)
KELUARAN 7 JULAI 2012
TARIKH TUTUP 14 JULAI 2012
BILANGAN IKLAN: 28/7/12 (SPA/BPL)**

**IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK
PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI**

**GH1. PEGAWAI PENDIDIKAN
POLITEKNIK BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PG.3 (BAHAGIAN II)
KEKOSONGAN=22**

KELAYAKAN MINIMUM:

- Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pendidikan atau dalam salah satu bidang berikut atau bidang bersesuaian:
 - * **InfoCommunication & Technology**
(Networking Basics, Internet Working, System Analysis and Design, Programming Fundamental, Information System Environment, Information Science/Library Management, Business Computing, Computing for ICT)
 - * **Business**
(E-Business, Organisational Behaviour, Marketing, Business Economics, Entrepreneurship, Accounting)
 - * **Interior Design**
(Visual Communication Studies/Working Drawing for Interior Design, Design Process, Computing and CAD for Interior Design)
- Mempunyai kelulusan-kelulusan berikut adalah kelebihan:
 - Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Dua Atas (*Upper Second Class*).
 - Ijazah Sarjana (*Master by Coursework or Research*).
- Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang yang dikehendaki oleh jawatan dari segi teori dan amali adalah kelebihan.
- Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris atau lain-lain bahasa antarabangsa dengan baik.

NOTA: Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyertakan Salinan-Salinan Surat Beranak, kad pintar, surat-surat akuan, sijil-sijil yang berkenaan dan dihantar ke alamat berikut :

**TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN
BAGI BILANGAN GH1 :
POLITEKNIK BRUNEI
BLOK 2E
KONDOMINIUM ONG SUM PING
JALAN ONG SUM PING, BA1311
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

NOTA : Tempat menghantar borang dikekalkan dan tarikh tutup iklan untuk jawatan ini adalah dilanjutkan sehingga 17 Julai, 2012, hari Selasa, jam 3.00 petang.


KEMENTERIAN KESIHATAN

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **hari Sabtu, 16 Jun 2012**. Sila layari website Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

2. Tawaran-tawaran hendaklah diantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan Bilangan / Tajuk Tawaran serta Tarikh Tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,
Kementerian Kesihatan,
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam**

3. Tawaran-tawaran hendaklah di hantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan hendaklah diantar **tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Selasa, 17 Julai 2012**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pemba-

yan hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Waktu Menerima Bayaran :

ISNIN - KHAMIS :
8.00 pagi - 11.00 pagi
2.00 petang - 3.00 petang

SABTU :
8.00 pagi - 10.00 pagi

2. Borang tawaran boleh didapati di Tingkat 4, Ibu Pejabat Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas. Syarat-syarat dan keterangan lanjut mengeninya boleh didapati dengan menghubungi talian 2383980 atau 2382145 ext. 7412 dan 7418 bagi mendapatkan dokumen tawaran dan syarat-syarat tawaran semasa waktu pejabat.
3. Untuk melihat barang-barang berkennaan, sila hadir pada 2 hingga 7 Julai 2012, jam 9.30 hingga 11.30 pagi bertempat di Bahagian Pengurusan Estit dan Perumahan, Jalan Surapit, Kampung Perpindahan Burung Pinggi, Berakas.
4. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Tingkat 5, Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan tidak lewat pada jam 9.30 pagi, hari Isnin 9 Julai 2012.
5. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup dengan menunjukkan bilangan sebut harga yang tertutup dengan menunjukkan bilangan sebutharga dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong.
6. Tawaran mestilah di hantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan.
7. Pembeli yang berjaya akan dimaklumkan dan dikehendaki membayar pembayaran secara tunai dan seterusnya bertanggungjawab untuk memindahkan barang yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh pembayaran yang ditetapkan.

Perpindahan Burung Pinggi, Berakas, Negara Brunei Darussalam.


**JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**
**WAKIL POS BAGI KAWASAN
KAMPUNG LONG MAYAN,
MUKIM UKONG**

JABATAN Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan dengan suacitanya mempelawa / menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kawasan Kampung Long Mayan, Mukim Ukong.

Elaun : \$200.00 sebulan

Kelayakan untuk menjadi WAKIL POS adalah seperti berikut :

Kelayakan :

1. Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Sekurang-kurangnya Tingkatan I dan kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
3. Berumur di antara **18 - 55 tahun**

4. Bermastautin di kawasan yang berkenaan tidak kurang dua (2) tahun pada tarikh permohonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa pemohon tinggal di kawasan berkenaan, mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut.

5. Keutamaan adalah diberikan kepada belia-belia yang berpotensi untuk meningkatkan dan memajukan diri mereka untuk mempunyai perniagaan sendiri.

6. Berminat untuk menjadi Wakil Pos.

7. Mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah.

8. Mempunyai tempat untuk berurusan dan membuat tugas.

9. Lantikan adalah secara percubaan selama satu tahun dan akan diteruskan selama dua tahun tertakluk kepada prestasi dalam masa percubaan selama setahun.

Tugas-Tugas Yang Dikendalikan :

1. Menjual setem jika ada keperluan dan dibenarkan oleh Jabatan (stok setem hendaklah dibeli oleh Wakil Pos dengan potongan 5%).

2. Menerima Mel dari pelanggan.

3. Mengambil Mel dari Pejabat Pos yang telah ditetapkan termasuk surat berdaftar.

4. Membuat penyerahan Mel di kawasan yang dipertanggungjawabkan termasuk surat berdaftar ke rumah-rumah dan bungunan-bungunan di kawasan mereka.

5. Lain-lain perkhidmatan yang difikirkan sesuai dari semasa ke semasa

Syarat, Elaun, Ganti Rugi dan Lain-lain :

1. Seorang Wakil Pos yang dilantik akan dikehendaki menandatangani Surat Perjanjian.

2. Seorang Wakil Pos akan dibayar **elaun \$200.00 sebulan**. Walau bagaimanapun bayaran elauan tertakluk kepada prestasi Wakil Pos tersebut.

3. Wakil Pos yang dilantik akan bekerja.

bertanggungjawab untuk mengganti mana-mana mel termasuk surat berdaftar yang hilang dengan bayaran yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Pos pada masa ini semasa surat tersebut dalam jagaannya.

4. Beg akan disediakan untuk membawa mel yang diterima dari Pejabat Pos.

5. Lain-lain kelengkapan pos yang difikirkan sesuai akan disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos.

Borang dan Keterangan Lanjut :

1. Borang bolehlah didapati di Pentadbiran JPP, Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan. Borang hendaklah dikembalikan semula di pentadbiran JPP tidak lewat pada **hari Khamis, 26 Julai 2012**.

2. Pemohon-pemohon akan ditemui duga pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

3. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Unit Penyerahan melalui talian **2220429 atau 2383955** semasa waktu bekerja.


**JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**
**PEMBERITAHUAN TAWARAN
SEBUT HARGA :**
Tajuk Sebut Harga :
**TO CONDUCT IN-HOUSE MARITIME
TRAINING COURSE**
Bilangan Sebut Harga :
020/JL/SH/2012/2013
Tarikh Tutup / Masa :
11 Julai 2012, jam 2.00 petang
Syarat-Syarat Tawaran Sebut Harga :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Pemberong tempatan bagi tawaran Sebut Harga seperti berikut:-
2. Keterangan skop kerja berkenaan bolehlah diambil semasa waktu bekerja dari

jam 8.00 hingga 11.00 pagi dan 1.30 hingga 3.00 petang dan hari Sabtu, 8.00 hingga 10.00 pagi daripada Bahagian Kewangan, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Jalan Serasa, Muara BT1728, Negara Brunei Darussalam.

Dokumen berkenaan bolehlah diambil bermula pada **2 Julai 2012**. Yuran dokumen tidak diperlukan.

3. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

4. Tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) tanpa menyatakan nama pemberong yang bertanda **'TAJUK-TAJUK TAWARAN'**

di bahagian atas sebelah kiri dan dihantar kepada alamat berikut :

PENGERUSI

**JAWATANKUASA SEBUT HARGA
JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
KAWASAN PERINDUSTRIAN
SERASA, MUARA BT1728
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

5. Sampul surat hendaklah dimasukkan ke dalam Kotak Sebut Harga, Tingkat Bawah, Kaunter Penyambut Tetamu, Jabatan Laut. Semua tawaran hendaklah sampai ke alamat yang dinyatakan tidak lewat pada **hari Rabu, 11 Julai 2012, jam 2.00 petang**.

6. Pemberong yang berjaya akan menjalankan kerja-kerja berkenaan dalam tempoh seperti yang di dalam skop kerja berkenaan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima sebarang tawaran yang tertinggi atau apa-apa juga bentuk tawaran.

8. Syarikat-syarikat hendaklah menyertakan dokumen-dokumen berikut dengan lengkap yang berdaftar dan masih sah di Negara Brunei Darussalam :

- i. Lesen Perniagaan 16/17.
- ii. Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Dari Kementerian Pembangunan.
- iii. Daftar Pemilik Syarikat (Borang X).

9. Syarikat-syarikat yang ikut serta adalah dikehendaki untuk menetapkan tempoh Sah Laku selama enam (6) bulan daripada tarikh tutup tawaran.

10. Sebarang pertanyaan dan penerangan lanjut bolehlah menghubungi di talian **2771347 sambungan 270**.


**JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**
**MAKLUMAN PERUBAHAN
TARIKH TUTUP TAWARAN**
Tajuk Tawaran :
**RTB/09/12 - 'IMPLEMENTATION AND UPGRADES
OF DVB-T2 TRANSMITTER AND FACILITIES
FOR BUKIT SUBOK AND ANDULAU STATION'**

1. ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Tarikh Tutup Tawaran tersebut di atas adalah **dilanjutkan selama dua (2) minggu**.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, bertulis dengan :

TAWARAN :
**'IMPLEMENTATION AND UPGRADES
OF DVB-T2 TRANSMITTER AND FACILITIES
FOR BUKIT SUBOK AND ANDULAU STATION'**
No. Tawaran : RTB/09/12

tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemberong dan ditujukan kepada :

**Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat Bawah
Jalan Kumbang Pasang
Bandar Seri Begawan BA1311
Negara Brunei Darussalam**

dengan memasukkannya ke dalam Peti Tawaran, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat Bawah, Jalan Kumbang Pasang **tidak lewat dari hari Selasa, 24 Julai 2012, jam 2.00 petang**.

3. **Dua (2) salinan** ceraian bahagian teknikal tawaran berkenaan hendaklah dihantar kepada :

**Pengarah
Radio Televisyen dan Brunei
Jabatan Perdana Menteri
Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan BS8610
Negara Brunei Darussalam**

UP : Jurutera Pengguna

tidak lewat dari hari Selasa, 24 Julai 2012, jam 2.00 petang.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari :

**Pejabat Jurutera Pengguna
Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei
Bandar Seri Begawan BS8610
Negara Brunei Darussalam**

dengan yuran yang tidak dikembalikan sebanyak BND500.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

6. Pembayaran bagi dokumen tawaran hendaklah dibuat dalam bentuk TUNAI atau CEK tempatan.


**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**
**TAWARAN IKLAN
Projek : UBD FIX IT - REFURBISHMENT
OF EXISTING TOILETS**

Bil. Tawaran : **UBD/E8/024/2012**

Yuran Tawaran : **BND500**

(Tidak akan dikembalikan),

tarikh dibuka : **4 Julai 2012**

Tarikh Tutup : **24 Julai 2012**

Kelas : Kontraktor yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas IV Ke Atas

Penghantaran Tawaran :

Lembaga Tawaran Kecil,

Kementerian Pendidikan

Perkhidmatan Kewangan (A)

Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A)

Blok A, Tingkat 1

Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510

Negara Brunei Darussalam.

Pengambilan Tawaran :

Pejabat Estet, Blok Pentadbiran,

Universiti Brunei Darussalam.

Waktu mengambil tawaran :

Isnin - Khamis, Sabtu :

(8.00 - 11.00 pagi dan 2.00 - 3.30 petang)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Pejabat Estet, Universiti Brunei Darussalam,

Jalan Tunku Link, Gadong BE1410

Tel : +673 2463001 ext 1111 / 2121

Faks : +673 2460552



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG KELAS III DAN IV KATEGORI B01

BIL :
KHEU/ BDP/ LTK/ 021/ 2012
U.S.A.I - Cadangan Menaik Taraf Surau Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Negara Brunei Darussalam.

YURAN DOKUMEN :
BND100 + BNDS
e-Dokumen (Tidak dikembalikan)

Tarikh dan jam tutup mengambil dokumen tawaran : 17 Julai 2012 (2.30 petang)

Tarikh Tutup : 24 Julai 2012 jam 2.00 petang

Syarat-Syarat Tawaran :-

1. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau dokumen tawaran) tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Selasa seperti tarikh yang telah ditetapkan.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan di hantar kepada alamat di Para 1 menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Kontrak.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah didapati dan diperolehi dari **Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam.** Jumlah yuran adalah seperti berikut.
5. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada berjaya atau yang tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan

dibatalkan.

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah di hantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.


JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

CLOSING DATE:
WEDNESDAY, 18 JULY 2012, 2 PM
QUOTATION DOCUMENT
JP/SH16/2012-2013
TO SUPPLY DELIVER AND
INSTALL FIRE DOOR
INVITATION TO BID

1. SEALED quotation are invited for the TO SUPPLY DELIVER AND INSTALL FIRE DOOR - JP/SH16/2012- 2013.
2. Bidding Documents can be obtained from:

COMMERCIAL AND CORPORATE SECTION GROUND FLOOR PORTS DEPARTMENT MUARA BT1728 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

3. Request for quotation document should be accompanied with a non-refundable document fee of Brunei Dollars Ten only (**BND10**) in cash. Quotation Documents will be issued until the **SATURDAY, 14 JULY 2012**, at any working days during normal (Government) working hours:

**MONDAY TO THURSDAY :
8.00 -11.00 am & 1.45 - 2.30 pm**
SATURDAY : 8.00 - 10.00 am
TIME & PLACE FOR SUBMISSION OF BIDS

4. The completed quotation document must be sent in a sealed, plain envelope with the following requirements:-
 - a. TO SUPPLY, DELIVER AND INSTALL FIRE DOOR - JP/SH16/2012- 2013 must be clearly written on the front side of the envelope.
 - b. The envelope used must NOT bare the name of any company or supplier.
 - c. The envelope must be addressed to:-
5. The Government of His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any quotation.

**THE CHAIRMAN
QUOTATION COMMITTEE
2ND FLOOR, PORTS DEPARTMENT
HEADQUARTER
MUARA BT1728
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

5. The Government of His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any quotation.


BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
(29)BKN(A)/PENT/69 PT.2

TAWARAN BAGI:
“SUPPLY AND INSTALL ACCESS CONTROL SYSTEM TO MAIN OFFICE JALAN TUNGKU, PUSAT AL-ISLAH KUPANG, NARCOTICS CONTROL BUREAU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM”

TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat / pemborong berdaftar untuk melaksanakan kerja-kerja “SUPPLY AND INSTALL ACCESS CONTROL SYSTEM TO MAIN OFFICE JALAN TUNGKU, PUSAT AL-ISLAH KUPANG, NARCOTICS CONTROL BUREAU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM”

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN tersebut di atas hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa, 10 Julai 2012.
2. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh tersebut di atas tidak akan dilayan.

3. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya akan menerima tawaran yang paling rendah.

4. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh setelah bayaran harga Dokumen Tawaran berjumlah **BND30 (tidak dikembalikan)** dibuat di Bahagian pentadbiran, Tingkat 1, Biro Kawalan Narkotik, Jalan Tungku Gadong BE2110, Negara Brunei Darussalam pada setiap hari bekerja iaitu hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja.
5. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
6. Tawaran hendaklah dihantar ke alamat tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup ditulis bilangan dan nama tawaran berkenaan, tanpa menunjukkan identiti pemborong kepada:

PENGERTI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
JABATAN PERDANA MENTERI
BLOK 2D, JALAN ONG SUM PING
BANDAR SERI BEGAWAN BE2110
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.


JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/KOP/061/2012

TAJUK KERJA: SUPPLY AND DELIVERY OF 600 UNITS ENABS AMR MODEMS AND ACCESSORIES

Tarikh Tutup : 24 Julai 2012,

hari Selasa jam 2.00 petang

Yuran Tawaran : B\$50.00

(tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
PETI TAWARAN

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Blok 2D, Jalan Ong Sum Ping Level 1,
Bandar Seri Begawan,
Bandar Seri Begawan, BB8610,
Negara Brunei Darussalam.**

Kelayakan :

Pembekal hendaklah mempunyai ICTAB kelas 3 dan AAB Status dan modem tersebut hendaklah mempunyai kebenaran daripada AiTi.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh diperolehi di kaunter unit Pendaftaran Bahagian Perdagangan Tingkat Satu (1), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian:

Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen di Kaunter Unit Pendaftaran Bahagian Perdagangan, Tingkat Satu Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/BP/059/2012

**TAJUK KERJA:
SUPPLY AND DELIVERY OF 66KV UNDERGROUND CABLE**

Tarikh Tutup : 24 Julai 2012,

hari Selasa jam 2.00 petang

Yuran Tawaran : BND50

(tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
PETI TAWARAN

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Blok 2D, Jalan Ong Sum Ping Level 1,
Bandar Seri Begawan,
Bandar Seri Begawan, BB8610,
Negara Brunei Darussalam.**

Kelayakan :

Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi Kategori P05 dalam Kelas II dan Ke Atas.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh diperolehi di kaunter unit Pendaftaran Bahagian Perdagangan Tingkat Satu (1), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian:

Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen di Kaunter Unit Pendaftaran Bahagian Perdagangan, Tingkat Satu Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



1 Julai – Hari Pengakap PPNBD

HARI Pengakap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) disambut setiap 1 Julai sempena memperingati hari penubuhan Pergerakan Pengakap di negara ini. PPNBD yang telah ditubuhkan pada 1933 itu, menjadi ahli penuh kepada Pergerakan Pengakap Sedunia (World Organisation of Scout Movement) pada 1 Julai 1981, dan telah diterima sebagai ahli yang ke-117 dalam Biro Pergerakan Pengakap Sedunia yang beribu pejabat di Geneva. Surat penerimaan tersebut telah diterima oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Mohamed Yusof, selaku Ketua Pengakap, semasa dalam Persidangan Pengakap Sedunia (World Scout Conference) di Dakar, Senegal.

Pada 30 September 1976, PPNBD telah menjadi ahli persekutu Biro Pengakap Rantau Asia Pasifik. Watikah tersebut telah diterima oleh Yang Di-Pertua PPNBD, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Ali bin Haji Daud yang berlangsung di Tehran, Iran.

SEJARAH PENUBUHAN

PPNBD diasaskan oleh Cikgu Marsal bin Maun (sekarang dikenali Allahyarham Dato Paduka Cikgu Haji Marsal bin Maun), seorang guru di Sekolah Melayu Jalan Pemancha, Bandar Brunei. Pada ketika itu, Kumpulan Pengakap PPNBD hanya disertai oleh 12 kanak-kanak lelaki. Sementara itu, seorang pegawai dari Sarawak, Cikgu Abang Mohd. Zaidi bin Abang Taha, selaku Guru Besar sekolah berkenaan merangkap Penguasa Pelajaran menjadi Pemimpin, manakala Allahyarham Dato Paduka Cikgu Haji Marsal adalah Penolong Pemimpin. Dengan ini bermula lah Pergerakan Pengakap di Brunei.

Sekitar tahun 1937-1938, seramai 24 orang ahli pengakap terbentuk lagi di Bukit Bendera Daerah Tutong. Pergerakan Pengakap ini dipimpin oleh Allahyarham Dato Paduka Cikgu Haji Othman bin Bidin.

Selapis itu pada tahun 1940, pergerakan ini telah diperluaskan ke

Daerah Belait dengan keramaian ahli seramai 40 orang, dipimpin oleh Allahyarham Dato Paduka Cikgu Haji Basir bin Taha.

Kemudian pada pertengahan tahun 1950, pertubuhan pergerakan ini diteruskan di Daerah Temburong, diketuai oleh Cikgu Md. Salleh bin Arshad.

BANTUAN

Pada tahun 1934 Kerajaan Negeri Brunei telah memberikan bantuan kewangan kepada Pergerakan Pengakap Negeri Brunei sebanyak \$150.00 setiap setahun. Ahli-ahli pengakap diberikan pakaian seragam secara percuma daripada Kerajaan Negeri Brunei.

PERKHEMAHAN

Pada tahun 1939, PPNBD yang ketika itu dipanggil Pergerakan Pengakap Negeri Brunei telah didaftarkan sebagai ahli Persekutuan Pengakap Tempatan cawangan London. Pada tahun yang sama, Perkhemanan Negeri pertama telah berlangsung di Penanjong Daerah Tutong dan dikendalikan oleh Awang Zainal Abidin bin Ali. Ketika itu, hanya ahli-ahli pengakap dari Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Tutong sahaja yang menyertainya.

Atas kejayaan dan sambutan baik perkhemanan itu, telah menimbulkan semangat untuk mengadakan perkhemanan kedua dalam tahun 1940. Perkhemanan kali ini turut disertai oleh ahli pengakap Daerah Belait, di samping ahli dari DBM dan Tutong.

UNDANG-UNDANG

Daripada perkhemanan inilah, ahli-ahli pengakap Negeri Brunei telah mengukuhkan lagi undang-undang yang ke-4 iaitu ‘Seorang Pengakap Bersaudara Kepada Semua Pengakap’. PPNBD telah diiktiraf sebagai Ahli Bergabung dengan Scout Association London dari United Kingdom dan ditadbir oleh Persatuan Tempatan pada tahun 1939.

Pada tahun 1958, pihak kerajaan telah mewartakan Pergerakan Pengakap Negeri Brunei dalam Akta Nombor 13/1958 Kerajaan Brunei Darussalam bagi mengukuhkan dan melindungi aktiviti serta kepentingan PPNBD.

KEBAWAH DYMM PENAUNG PPNBD

Pada tahun 1981, PPNBD menempa satu sejarah yang gemilang yang mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Perasmian Pertubuhan Pengakap Sedunia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Setiausaha Agung WSB/WOSM, Dr. Jaques pada 1 November 1993, setelah berkenan menjadi Penaung Kehormat Pertubuhan Pengakap Sedunia.

Oleh : Muhammad Hamdanajib Haji Domeng
Foto : Ihsan Haji Domeng Haji Abd. Wahab
Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan untuk menjadi PENAUNG pergerakan ini.

Dalam tahun 1982, sempena dengan 75 tahun Pergerakan Pengakap Sedunia, satu Perkhemanan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah diadakan yang mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan bercemar duli mengadakan lawatan ke perkhemanan tersebut.

Manakala pada 1 November 1993, baginda sekali lagi telah berkenan menjadi PENAUNG KEHORMAT Pertubuhan Pengakap Sedunia yang disampaikan oleh Setiausaha Agung WSB/WOSM, Dr. Jaques di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan (BSB).

JAMBORI PPNBD

Pada tahun 1985 PPNBD telah mengadakan Jambori Pertama di tapak perkhemanan Ibu Pejabat PPNBD. Sementara itu, Jambori

Kedua diadakan pada tahun 1989 yang mana seramai lima orang Pesuruhjaya dan Pemimpin telah menerima Pingat Rakis dan seramai 18 orang pengakap venture pula menerima Anugerah Pengakap Sultan. Kemudian pada tahun 1999, Jambori Ketiga telah diadakan di Taman Peranginan Kampung Parit.

Sementara itu, pada tahun 2001, PPNBD telah menyertai Perkhemanan Belia Antarabangsa yang mana ia merupakan gabungan PPNBD, Persatuan Pandu Puteri dan Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam sempena ‘Tahun Melawat Brunei’ yang diadakan di Taman Peranginan Anduki di Daerah Belait.

IBU PEJABAT PPNBD

Pada mulanya pejabat Pengakap Negeri terletak di Jalan Sinuai, Kumbang Pasang, Bandar Brunei (sekarang BSB) yang disediakan oleh Kerajaan Brunei. Ini merupakan ibu pejabat pertama. Kemudian bangunan ini telah diambil alih oleh pasukan keselamatan bermula 12 Disember 1962 hingga 15 Oktober 1963.

Antara pencapaian PPNBD adalah dengan terbinanya Bangunan Pertubuhan Pengakap Negeri Brunei bertempat di Gadong pada Januari 1971. Bangunan ini merupakan ibu pejabat pentadbiran pertubuhan

berkenaan. Ibu Pejabat negeri dan tapak perkhemanan yang baru telah dibangunkan di atas sebidang tanah seluas sepuluh ekar yang terletak di Kilometer 6, Jalan Gadong.

Sebulan selepas itu, pada 27 Februari 1971 bangunan tersebut telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Satu projek untuk membina sebuah kompleks pelbagai guna dengan kemudahan bagi Ibu Pejabat Pengakap telah bermula pada tahun 1997 dan siap pada tahun 2000. Ibu pejabat setinggi enam tingkat itu telah digunakan oleh PPNBD dari tahun 2001. Perasmian Kompleks Ibu Pejabat PPNBD itu telah dirasmikan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 3 Julai 2005.

PROGRAM YANG BERTERUSAN

Dalam usianya yang hampir mencapai 80 tahun, PPNBD terus berdiri teguh sebagai sebuah pergerakan sukarela dan memberikan pendidikan dan kemahiran secara tidak langsung di luar bilik darjah. Ini kerana beberapa program dilaksanakan secara berterusan dan ia diharap dapat melahirkan ahli pengakap yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan cemerlang pada masa akan datang.



PASUKAN Pertama Pengakap PPNBD yang disertai oleh 12 kanak-kanak lelaki, Sekolah Melayu Jalan Pemancha, Bandar Brunei, yang diasaskan oleh Cikgu Marsal bin Maun dengan dibantu oleh Cikgu Abang Mohd. Zaidi bin Abang Taha pada tahun 1934.


“BETA penuh yakin, PPNBD mampu menjadi wadah bagi melahirkan pemimpin-pemimpin yang baik disebabkan asasnya yang kukuh dan kuat serta terbaik.”

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Perasmian Bangunan PPNBD pada 3 Julai 2005.

Perasmian SUKMA XV Pahang 2012 meriah



Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Haji Ahmad Haji Salim
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah berkenan merasmikan Sukan Malaysia (SUKMA) XV, Pahang 2012.

PAHANG, Sabtu, 7 Julai. - Sukan Malaysia (SUKMA) XV melakar sejarahnya sekali lagi apabila Negeri Pahang menjadi negeri pertama menganjurkan temasya ini buat kali kedua.

Tirai perasmian temasya sukan ini secara rasminya dibuka malam itu dalam suasana gilang-gemilang dan penuh warna-warni dengan tema 'Sukan Menjana Perpaduan'.

Berangkat merasmikan SUKMA XV Pahang 2012 ini ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah di Stadium Darul Makmur, Kuantan Pahang, di sini.

Rakyat dan penduduk Negeri Pahang yang tidak mahu melepasan peristiwa bersejarah ini turut sama memeriahkan Majlis Pembukaan Rasmi tersebut sejak awal petang lagi apabila kehadiran mereka disajikan dengan pelbagai bentuk persembahan.

Majlis Pembukaan Rasmi dimulakan dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan Negeri Pahang 'Allah Selamatkan Sultan Kami' oleh Pasukan Koir Perkhidmatan Awam Negeri Pahang sejurus keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang di Stadium Darul Makmur, Kuantan Pahang.

Majlis perasmian seterusnya diserikan dengan persembahan khas SUKMA XV membabitkan lebih dua ribu peserta yang membuat persembahan padang, di samping persembahan nyanyian dari artis-artis negeri tersebut.

Kontinen Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Pengiran Md. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud mendahului perbarisan lintas hormat kontinen.

Majlis disusuli dengan larian baton diikuti tatah pengisytiharan perasmian Pembukaan SUKMA XV Pahang 2012 yang disempurnakan oleh Kebawah DYMM Sultan Pahang.

Sejurus perasmian, majlis diteruskan dengan Upacara Menaikan Bendera dan Ikrar SUKMA XV, Pahang 2012.

Kebawah DYMM Sultan

SUKMA selaku pasukan jemputan.

Majlis perasmian diserikan dengan persembahan bunga api menceriakan lagi suasana malam itu.

Logo bagi sukan kali ini ialah gajah yang merupakan identiti Negeri Pahang, haiwan yang sinonim dengan negeri itu.

Logo ini direka khas dengan aksi seolah-olah mengalu-alukan ketibaan semua kontinen ke Negeri Pahang Darul Makmur dengan gabungan warna merah, kuning, biru dan putih melambangkan bendera Malaysia, manakala warna putih dan hitam pula bagi Negeri Pahang.

Maskot pada sukan tersebut pula menampilkan empat ekor gajah masing-masing bernama Tahan, Puteh, Rajah dan Teku yang membawa pengertian berlainan.

Visi SUKMA XV, Pahang, 2012 sebagai medan perpaduan dan kesepakatan antara semua rakyat, di samping menanamkan sifat cintakan negara, manakala objektifnya pula adalah untuk mencungkil bakat atlet-atlet remaja pada peringkat negeri dan kebangsaan selain mempertingkatkan mutu sukan negara.

SUKMA yang dipertandingkan secara dwitahunan merupakan kejohanan temasya terbesar dan berprestij di Malaysia.

Kejohanan ini diadakan berselang-seli dengan Sukan SEA bagi tujuan mencungkil bakat-bakat baru atlet yang berpotensi tinggi untuk mewakili negara.

Pahang kemudian berkenaan menyempurnakan upacara menyalaan obor SUKMA Ke-XV menandakan bermulanya sukan tersebut sebelum baginda diperkenalkan kepada ketua-ketua kontinen dan seterusnya mengurangi cenderamata.

SUKMA XV yang bermula hari ini hingga 16 Julai depan mempertandingkan 24 jenis sukan diadakan di tiga daerah (Kuantan, Temerloh dan Pekan) disertai 15 buah kontinen.

Sebanyak 377 pingat emas, 377 perak dan 453 gangsa bakal menjadi rebutan pada temasya sukan ini yang membawa jumlah pingat sebanyak 1,207 keseluruhan.

Negeri Pahang menjadi tuan rumah buat pertama kali pada tahun 1996 semasa Negara Brunei Darussalam menyertai



KONTINJEN Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Pengiran Md. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud semasa mendahului perbarisan lintas hormat pada pembukaan rasmi sukan tersebut.



BACAAN ikar SUKMA XV, Pahang 2012.



PERTUNJUKAN bunga api menyerikan lagi Perasmian SUKMA XV, Pahang tersebut.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa hadir pada Upacara Pembukaan Rasmi Sukan Malaysia XV, Pahang 2012.

Penyertaan Brunei merapatkan hubungan

KUANTAN, PAHANG, Sabtu, 7 Julai. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah berkata, penyertaan Negara Brunei Darussalam pada Sukan Malaysia (SUKMA) sejak tahun 1996 hingga sekarang adalah menggambarkan hubungan istimewa di antara Negara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam sebagai negara berjiran, bersahabat dan persaudaraan.

Kata Yang Berhormat, melalui penglibatan atau penyertaan Negara Brunei Darussalam ke SUKMA ini, bukan sahaja memberikan peluang kepada atlet-atlet muda kita di Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan pencapaian mereka dalam sukan, tetapi juga menjalinkan hubungan yang rapat di antara kedua-dua buah negara terutama sekali yang terlibat itu adalah golongan belia dan mereka ini merupakan aset yang berharga pada negara yang akan dapat meneruskan kesinambungan hubungan yang rapat dan istimewa di antara kedua-dua buah negara.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan perkara tersebut dalam satu temu bual bersama Radio Televisyen Malaysia (RTM) di Hyatt Regency Kuantan Resort, di sini.

Dalam temu bual bersama RTM, Yang Berhormat menyatakan penyertaan kontinen Negara Brunei Darussalam, di samping pendedahan dan juga untuk mengangkat kecemerlangan sukan dalam kalangan atlet-atlet, penyertaan kontinen Negara Brunei Darussalam berupaya mengukuhkan dan mengeratkan lagi persaudaraan kedua-dua buah negara.

"Kita melihat atlet-atlet dari Negara Brunei Darussalam adalah sebagai duta kecil negara ke Malaysia untuk mengeratkan dan memperkuatkan hubungan silaturahim persaudaraan, malahan melalui pertemuan atlet-atlet muda ini mereka akan dapat menjalin rangkaian perhubungan atau networking yang begitu berharga, yang mana mereka boleh mempergunakan bukan sahaja dalam memperkembangkan bidang sukan, tetapi juga dalam bidang-bidang lain, sebab saya percaya kepada atlet-atlet kita nanti akan menjadi pemimpin atau mereka yang berperanan penting dalam negara masing-masing," terang Yang Berhormat.

Ketika ditanya mengenai penglibatan Negara Brunei Darussalam dalam SUKMA pada masa depan, Yang Berhormat berkata, Negara Brunei Darussalam secara berterusan akan menyertai SUKMA ini jika dijemput kerana Negara Brunei Darussalam melihat ini

adalah peluang untuk memperbaharu hubungan persahabatan dan silaturahim, malah dapat mengeratkan lagi hubungan rakyat antara rakyat kedua-dua buah negara.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan bahawa jemputan yang dihulurkan kepada Negara Brunei Darussalam adalah begitu istimewa kerana ia disampaikan secara peribadi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakub dan Yang Berhormat berasa dengan penghormatan itu, kita juga harus membala dengan penghormatan iaitu menghadirkan diri ke Upacara Perasmian SUKMA XV, Pahang pada tahun ini.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat juga mengambil kesempatan untuk memperbaharu hubungan persahabatan dan silaturahim, yang mana hubungan antara Negeri Pahang dan Negara Brunei Darussalam adalah merupakan hubungan yang istimewa, kerana hubungan antara pemimpin, rakyat begitu rapat terutama sekali di antara kerabat diraja kedua-dua buah negara.

Yang Berhormat juga turut menyatakan bahawa Negeri Pahang bagi kali keduanya menjadi tuan rumah bagi SUKMA ini dan melihat persiapan-persiapan yang dibuat di Negeri Pahang adalah begitu rapi dan secara teliti bagi memastikan SUKMA pada tahun ini akan beroleh kejayaan yang cemerlang dan berkeyakinan Negeri Pahang akan menjadi tuan rumah yang terbaik dan dapat menjayakan sukan-sukan ini dengan cemerlang.

Ketika ditanya mengenai harapan kontinen Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat menjelaskan, sememangnya beliau juga berharap mereka akan memberikan satu persaingan yang terbaik dan berharap akan memperolehi kejayaan dalam SUKMA XV ini.

"Tetapi walau bagaimanapun sekiranya mereka tidak memperolehi kejayaan, tetapi mereka juga berjaya dari segi merapatkan hubungan atau memperkuatkan hubungan silaturahim, persaudaraan di antara kedua-dua buah negara itu juga merupakan satu kejayaan," jelasnya.

Menyentuh mengenai pasukan Negara Brunei Darussalam kembali untuk menyertai Liga Malaysia, Yang Berhormat menjelaskan, Negara Brunei Darussalam baharu sahaja diterima semula masuk dalam FIFA dan sekarang dalam rangka untuk mengembalikan dan mempertingkatkan semula prestasi permainan bola sepak di Negara Brunei Darussalam dan akan mengambil sedikit masa untuk mempertimbangkan atau kemungkinan untuk masuk balik ke Liga Malaysia akan datang.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berangkat tiba di Phnom Penh, Kemboja

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal
Phnom Penh, Kemboja

PHNOM PENH, KEMBOJA, Sabtu, 7 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berangkat tiba di Phnom Penh, Kemboja bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN Ke-45 yang berlangsung di Peace Palace Phnom Penh, Kemboja.

Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mansurah Izzul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh dialukan oleh Setiausaha Negara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Ung Sean.

Juga menjunjung keberangkatan DYTM ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kemboja, Tuan Yang Terutama Shaikh Haji Fadilah bin Shaikh Haji Ahmad dan isteri, Tengku Syarifah Robaini Hussein Assagaf serta pegawai-pegawai kanan Pejabat Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Kemboja.

Juga berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Dato Paduka Haji Erywan bin Pehin Dato Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN akan diadakan pada 8 hingga 13 Julai 2012.

Manakala Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN Ke-45 (AMM), Persidangan Rakan-Rakan Dialog (PMC) dan Forum Serantau ASEAN (ARF) Ke-19 dan Mesyuarat Ke-2 Menteri-Menteri Luar Sidang Kemuncak Asia pada 8 hingga 13

Julai 2012.

Tema bagi Sidang Kemuncak ASEAN tahun ini ialah 'ASEAN: Satu Komuniti, Satu Tujuan' (ASEAN : One Community, One Destiny) bukan sahaja ASEAN perlu memastikan segala usaha yang dilaksanakan adalah bermakna bagi rakyat, akan tetapi ASEAN juga perlu membuka minda, lebih cergas bertindak dan menggandakan usaha dalam mengukuhkan momentum ASEAN untuk terus komited bekerjasama dalam merealisasikan ASEAN Komuniti pada tahun 2015 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Kemboja akan terus menggalakkan penyertaan rakyat ASEAN dan berusaha mendapatkan sokongan rakan dialog dalam mencapai kesalinghubungan infrastruktur serantau dan pada masa yang sama menggalakkan pembangunan ekonomi yang mapan, mengekalkan kestabilan dan kemakmuran serantau.

Pada mesyuarat tersebut, para Menteri Luar ASEAN juga akan membincangkan mengenai keputusan Jawatankuasa Eksekutif serta mengkaji semula pelaksanaan pelan tindakan untuk mengukuhkan perjanjian SEANWZ.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ketika berangkat menghadiri Mesyuarat ASEAN Inter-Governmental Commission on Human Rights Representatives (AICHR Commission). - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Mesyuarat Suruhanjaya SEANWZ

Dari muka 1

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Hal Ehwal Luar dan Kerjasama Antarabangsa Kerajaan Kemboja, TYT Hor Namhong.

Mesyuarat tersebut adalah antara mesyuarat-mesyuarat sempena Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN Ke-45 (AMM), Persidangan Rakan-Rakan Dialog (PMC) dan Forum Serantau ASEAN (ARF) Ke-19 dan Mesyuarat Ke-2 Menteri-Menteri Luar Sidang Kemuncak Asia yang bermula 8 hingga 13 Julai 2012.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Hal Ehwal Luar dan Kerjasama Antarabangsa Kerajaan Kemboja, TYT Hor Namhong yang juga selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN mempengerusikan mesyuarat tersebut yang memfokuskan mengenai keputusan Jawatankuasa Eksekutif serta mengkaji semula pelaksanaan Pelan Tindakan Untuk Mengukuhkan Perjanjian SEANWZ.

Kemboja sebagai tuan rumah ASEAN 2012, merasa bangga melihat semua lima negara yang diakui bersenjata nuklear akan menandatangani protokol tersebut.

Negara-negara yang akan mendatangani tersebut terdiri daripada lima buah negara yang mempunyai senjata nuklear iaitu Amerika Syarikat, British, Russia, China dan Perancis yang akan mencerminkan

dukungan mereka terhadap SEANWFZ.

Protokol ini memerlukan lima negara tersebut untuk tidak berkontribusi terhadap setiap pelanggaran perjanjian dan tidak menggunakan atau mengancam untuk menggunakan senjata Nuklear di SEANWFZ.

Selain itu, mereka juga akan komited untuk menghentikan proliferasi senjata nuklear dan pengujian nuklear di Asia Tenggara.

Pada pemimpin ASEAN menandatangani Perjanjian SEANWFZ di Bangkok, Thailand pada 15 Disember 1995 dan mula dilaksanakan dua tahun kemudian.

Perundungan-perundungan antara ASEAN dan lima negara nuklear itu mengenai protokol diselenggarakan sejak Mei 2001.

Terdahulu dari itu, DYTM juga berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat ASEAN Inter-Governmental Commission on Human Rights Representatives (AICHR Commission).

Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN Ke-45 (AMM), Persidangan Rakan-Rakan Dialog (PMC) dan Forum Serantau ASEAN (ARF) Ke-19 dan Mesyuarat Ke-2 Menteri-Menteri Luar Sidang Kemuncak Asia (EAS).

Tema bagi Sidang Kemuncak ASEAN tahun ini ialah 'ASEAN: Satu Komuniti, Satu Tujuan' (ASEAN : One Community, One Destiny).

Dilantik selaku Setiausaha Tetap KHELNP

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Julai. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam telah mengurnikan titah perkenan bagi pelantikan Tuan Yang Terutama Pengiran Kasmirhan bin Pengiran Tahir, Wakil Tetap di Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam di Geneva, Switzerland menjadi Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Tarikh pelantikan pegawai tersebut berkuat kuasa mulai pada hari Isnin, 19 Syaaban 1433 bersamaan 9 Julai 2012.

Raptai penuh Majlis Bersama Rakyat di DBM

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Julai. - Daerah Brunei dan Muara (DBM) kini giat membuat latihan dan persiapan rapi bagi menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli ke Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di DBM.

Raptai penuh Majlis Keberangkatan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-66 itu diadakan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di sini dengan melibatkan lebih 450 peserta persembahan.

Antara yang menyaksikan raptai ialah Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar dan Penolong Kanan Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof.

Juga menyaksikan raptai ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Pengurus Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-66 hadir menyaksikan raptai penuh Majlis Keberangkatan Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-66. Foto: Hatral Hazmi Abdul Hamid.



'SEMBAHYANG PENOLAK MUNGKAR'

دربیتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منtri دان دچیق اوله جباتن فرچیتئن کراجأن، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.